# LAPORAN TAHUNAN 2019

# ANNUAL REPORT




LEMBAGA KOKO MALAYSIA

*MALAYSIAN COCOA BOARD*

# LAPORAN TAHUNAN 2019

## ISI KANDUNGAN


| Isi Kandungan | Muka Surat |
|---|---|
| Perutusan Pengerusi | 1 |
| **PROFIL KORPORAT** | |
| Wawasan, Misi, Objektif, Fungsi | 3 |
| Ahli-ahli Lembaga Pengelola | 4 |
| Ahli-ahli Pengurusan Kanan | 5 |
| Carta Organisasi | 6 |
| **EKONOMI DAN PASARAN KOKO 2019** | |
| Ringkasan Kedudukan Ekonomi dan Pasaran Koko | 7 |
| Harga Pasaran Koko | 7 |
| Senario Koko Dunia | 8 |
| Status Industri Koko Malaysia | 11 |
| Perdagangan Luar | 11 |
| Prospek | 14 |
| Petunjuk Prestasi Industri Koko 2019 | 15 |
| **AKTIVITI DAN PROGRAM** | |
| Penyelidikan & Pembangunan (R&D) | 16 |
| Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Kumpulan Sasaran (Pekebun Kecil Koko, Usahawan Coklat Buatan Tangan) | 20 |
| Pembangunan Pasaran dan Ekonomi | 26 |
| Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti | 32 |
| Prestasi Kewangan | 34 |
| Pentadbiran (Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan) | 35 |
| Pengurusan Maklumat dan Perpustakaan | 38 |
| Jawatankuasa Audit Lembaga Koko Malaysia (JAL) tahun 2019 | 40 |
| Laporan Bergambar | 41-58 |
| **PENYATA KEWANGAN** | |

# PERUTUSAN PENGERUSI



Pada tahun 2018/2019, pengeluaran koko dunia dianggarkan mengalami peningkatan sebanyak 3.9% kepada 4.834 juta tan metrik. Pengisaran koko dunia juga dianggarkan meningkat sebanyak 4.6% kepada 4.808 juta tan metrik. Malaysia adalah negara pengisar koko keenam terbesar di dunia, selepas Belanda, Cote d'Ivoire, Indonesia, Jerman dan Amerika Syarikat.

Pada tahun 2019, sumbangan industri koko kepada pendapatan negara telah meningkat sebanyak 18.9% kepada RM6.598 bilion berbanding RM5.551 bilion pada tahun 2018. Penyumbang utama pendapatan eksport ialah lemak koko dengan nilai eksport sebanyak RM2.540 bilion. Aktiviti pengisaran negara telah meningkat sebanyak 37.7% kepada 343,727 tan metrik berbanding 249,661 tan metrik pada tahun 2018. Peningkatan pengisaran ini disumbangkan oleh kedudukan harga biji koko yang rendah mengalakkan aktiviti pengisaran serta permintaan yang baik untuk produk-produk koko.

Pada tahun 2019, keluasan tanaman koko dianggarkan kekal seluas 15,647 hektar. Pengeluaran biji koko kering mencatat peningkatan peningkatan sebanyak 23.1% kepada 1,017 tan metrik berbanding 826 tan metrik pada tahun 2018. Wilayah Sabah menyumbang sebanyak 533 tan metrik, diikuti oleh Semenanjung Malaysia dan Sarawak, masing-masing sebanyak 333 tan metrik dan 151 tan metrik. Bagi memenuhi permintaan pengisar koko tempatan, negara telah mengimport sebanyak 351,493 tan metrik biji koko kering yang bernilai RM3.42 bilion.

Bagi membangunkan sektor huluan koko, Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah meneruskan program Pembangunan Rantaian Kluster Koko dan Program Peningkatan Produktiviti Koko. Selain daripada itu, aktiviti pemindahan teknologi, pengembangan, khidmat nasihat dan *Farmers' Field School (FFS)* juga telah dilaksanakan bagi membantu para petani meningkatkan hasil koko.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan LKM diteruskan dengan menjalankan 36 projek penyelidikan, termasuk satu projek penyelidikan kerjasama dengan agensi tempatan dan dua projek penyelidikan dengan kerjasama agensi luar negara. Antara kejayaan utama aktiviti penyelidikan dan pembangunan LKM pada tahun 2019 adalah pendaftaran lima Hak Cipta Intelek (IPR), pengeluaran 10 output teknologi/produk dan pengkomersialan tiga produk penjagaan diri berasaskan koko. Sebanyak 10 anugerah berkaitan penyelidikan dan pembangunan telah diterima oleh para penyelidik LKM pada tahun 2019. Manakala, sebanyak 123 hasil kajian telah diterbitkan dan dibentangkan di peringkat dalam dan luar negara.

Pembangunan kumpulan sasaran ditumpukan kepada pekebun kecil koko dan usahawan coklat buatan tangan. Pada tahun 2019, seluas 3,592 hektar kawasan terlibat dalam program pembangunan tanaman koko serta peningkatan produktiviti, yang melibatkan seramai 5,028 petani di seluruh Malaysia. Bilangan aktiviti pemindahan teknologi tahun 2019 adalah sebanyak 2,185 aktiviti yang melibatkan 30,215 petani dan orang awam.

Manakala Program Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan telah menjalankan sebanyak 8 aktiviti Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat yang dihadiri oleh 159 peserta. Manakala 15 aktiviti demonstrasi pembuatan coklat buatan tangan telah dilaksanakan semasa pameran dan promosi yang disertai oleh 4,480 orang pengunjung. LKM juga melaksanakan dua siri Klinik Usahawan Coklat yang dihadiri oleh 42 orang usahawan. Pada tahun 2019, jumlah usahawan coklat buatan tangan yang berdaftar di bawah bimbingan LKM adalah seramai 224 usahawan.

Aktiviti promosi pemasaran LKM melibatkan pasaran antarabangsa dan domestik. Pada tahun 2019, tiga eksposisi antarabangsa telah disertai iaitu *The 24$^{th}$ Gulfood, Hotel and Equipment Exhibition and Salon Culinaire* (GULFOOD) 2019, Africa's Big 7 dan YUMMEX Middle East. Manakala, sebanyak 13 pameran dalam negara telah disertai seperti Program Citarasa Malaysia (di tujuh lokasi), Halal Fiesta (Sri Kembangan), Selangor International Expo (SIE), Tastefully Food & Beverage Expo 2019 (Selangor, Johor), Pameran Produk Komoditi di Senai Airport dan Pameran Kempen Belilah Barangan Malaysia (Sarawak).

Aktiviti utama yang dianjurkan oleh LKM pada tahun 2019, ialah Program Libat Urus Industri & Dialog Bersama Menteri MPI, mesyuarat ASEAN Cocoa Club (ACC), Bengkel Pengkomersialan Hasil Penyelidikan LKM bersama MTDC sebagai rakan Strategik, Bengkel Pengukuhan Ejen Pengembangan LKM, *The 4th MCB Annual Scientist Workshop* (MASW) 2019 dan Mesyuarat Pembangunan & Penyediaan Projek Pembangunan LKM untuk RMK-12.

LKM juga telah menyertai pameran-pameran korporat seperti Program Sayangi Komoditiku (Melaka, Kudat, Mukah, Sandakan), pameran R&D dan produk koko di parlimen, Hari Peladang, Penternak & Nelayan (HPPN) Peringkat negeri Sabah, *International Grenntech & Eco Products Exhibitior & Conference Malaysia* (IGEM) 2019 dan Putrajaya Open Day (POD).

LKM juga telah mengadakan perbincangan kerjasama dengan agensi lain seperti JAKOA (projek pembangunan lembah koko orang asli dan projek pembangunan tanaman baru koko kluster pahang) serta KESEDAR dan ECERDC (Projek Agropolitan Rantau Manis).

Secara ringkasnya, LKM telah melaksanakan program-program selaras dengan fungsinya dalam membangunkan industri koko negara. Pengeluaran dan kualiti koko diharapkan terus meningkatkan. Manakala industri hiliran, pada tahun 2019 telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Aktiviti pengkomersialan hasil R&D juga telah menarik minta industri dan diharapkan lebih banyak teknologi keluaran LKM dapat digunapakai oleh industri.

**YBHG. DR. ALIAKBAR BIN GULASAN**
**Pengerusi**
**Lembaga Koko Malaysia**
**(01 Julai 2020 – 30 Jun 2022)**

# PROFIL KORPORAT

Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah ditubuhkan di bawah Akta 343, Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada bulan Julai 1988 dan diwartakan pada 8 September 1988. LKM mula beroperasi secara rasmi selepas pelancarannya pada 18 Julai 1989. Pada 17 Ogos 2001, Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001 (Akta 343) diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 September 2001.

LKM adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan ditadbir oleh sebuah Lembaga Pengelola yang dianggotai oleh 17 orang ahli. Mereka mewakili jabatan dan kementerian yang berkaitan, badan profesional, pekebun kecil dan syarikat perladangan di dalam industri koko negara.

Aktiviti LKM meliputi seluruh negara dan menyumbang perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan, maklumat pasaran dan pemasaran, penggredan, pelesenan dan pensijilan kepada pengusaha-pengusaha industri koko yang terdiri daripada penanam koko, peniaga, pengeksport, pengilang dan lain-lain

## WAWASAN

Sebagai institusi ternama, terhormat dan terulung bagi pembangunan industri koko yang mampan.

## MISI

Memastikan pertumbuhan industri yang sepadu dan berdaya saing melalui penyelidikan dan pembangunan berinovatif.

## OBJEKTIF

- Untuk meningkatkan pengeluaran biji koko melalui peningkatan produktiviti;
- Untuk meningkatkan pembangunan kegiatan-kegiatan hiliran;
- Untuk memperkukuh dan mengembangkan pasaran koko Malaysia serta menembusi pasaran-pasaran baru;
- Untuk meningkatkan kualiti dan daya saing koko Malaysia dan produk-produk koko Malaysia; dan
- Untuk menentukan agar pembangunan industri koko berharmoni dengan alam sekitar.

## FUNGSI

Mengikut perenggan 8, Akta 343, LKM dipertanggungjawabkan kepada 15 fungsi yang merangkumi perkara-perkara berikut :

- Menjalankan dan menggalakkan penyelidikan di dalam pengeluaran, pemprosesan, penstoran dan penggunaan;
- Mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti dan polisi-polisi penyelidikan;
- Meningkatkan kualiti biji koko dan produk-produk koko;
- Menyelaras aktiviti-aktiviti pemasaran;
- Mengumpul, menyatu dan menyebarkan maklumat; dan
- Mengawalselia dan menyelaras aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan koko seperti pemprosesan, penstoran, pengawalseliaan dan pemasaran.

## AHLI-AHLI LEMBAGA PENGELOLA
(Bagi tempoh 01 Februari 2019 hingga 31 Januari 2021)



*18 April 2019, barisan Ahli Lembaga Pengelola LKM*

**Pengerusi**
**YB Tuan Jonathan Yasin**
*Lantikan 16 Ogos 2018-15 Ogos 2020*

## Ahli-Ahli Tetap Lembaga Pengelola

| | |
|---|---|
| **Puan Kanagadevi A/P Pachaiappan**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) | **Encik Mohammad Sanusi bin Abdul Karim**<br>*Lantikan 01 Februari 2019- 01 Mei 2019*<br>**Pn. Vimala Murugan**<br>*Lantikan 02 Mei 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri |
| **YBhg. Dato' Salim bin Parlan**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | **Encik Muhammad Hazrul bin Ismail**<br>*Lantikan 01 Februari 2019- 31 Januari 2021*<br>Kementerian Kewangan Malaysia |
| **Encik Yeow Chai Hong**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Barry Callebaut Malaysia Sdn Bhd | **Encik Ng Boon Yeap**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Le Bourne Sdn Bhd |
| **YBhg. Datuk Yatimah binti Sajirman**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Hal Ehwal Ekonomi | **YB Puan Noorita binti Sual**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31Januari 2021*<br>Pejabat DAP Tenom, Sabah |
| **YBhg. Datuk Ik Pahon anak Joyik**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Sarawak | **Encik Odom @ Peter Dhoms Saili**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Ahli Perniagaan, Keningau, Sabah |
| **YBrs. Dr. Mariana Tinggal**<br>*Lantikan 01 Februari 20197-31 Januari 2021*<br>Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) | **YBrs. Prof. Dr. Juli Edo**<br>*Lantikan 01 Julai 2019 - 31 Januari 2021*<br>**YBhg. Dato' Ajis bin Sitin**<br>*Lantikan 01 Februari 2019- 29 April 2019*<br>Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) |
| **Encik Edwin Agong**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Ahli Perniagaan, Kuala Lumpur | **YB Tuan Mordi Bimol**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Ahli Politik, Bau, Sarawak |
| **YBhg. Datin Norhaini Udin**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Lembaga Koko Malaysia | **Encik Lee Chin Chen**<br>*Lantikan (11 Disember 2019 – 31 Januari 2021*<br>Pejabat ADUN Kawasan Bilut, Bentong, Pahang |

## Ahli-Ahli Silih Ganti Lembaga Pengelola

| | |
|---|---|
| **YBrs. Dr. Sang Yew Ngin**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Industri Utama | **Puan Ajijah @ Azizah binti Hj. Baba**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Kewangan Malaysia |
| **Encik Badaruddin bin Moh. Kassim**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | **Puan Aedreena Reeza binti Alwi**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri |
| **Encik Dzulkifli Hj Ghulamdin**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Jabatan Pertanian Sabah | **YBrs. Dr. Alvin Chai Lian Kuet**<br>*Lantikan 01 Februari 2019-31 Januari 2021*<br>Jabatan Pertanian Sarawak |

## AHLI-AHLI PENGURUSAN KANAN LKM

| | |
|---|---|
| Ketua Pengarah | YBhg. Datin Norhaini Udin |
| Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) | YBrs. Dr. Ahmad Kamil Mohd. Jaaffar |
| Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) | YBrs. Dr. Ramle Hj. Kasin |
| Pengarah Bahagian (Biologi) | Tn. Hj. Haya Ramba |
| Pengarah Bahagian (Kimia & Teknologi) | YBrs. Dr. Sabariah Samsudin |
| Pengarah Bahagian (Bioteknologi) | YBrs. Dr. Hj. Rosmin Kasran |
| Pengarah Bahagian (Pemindahan Teknologi dan Pengembangan) | Tn. Hj. Mohd Zamri A Ghani (Menanggung kerja) |
| Pengarah Bahagian (Pembangunan Pasaran & Ekonomi) | Puan Harnie Hj. Harun |
| Pengarah Bahagian (Pengawalseliaan & Kawalan Kualiti) | Tn. Hj. Mohd Zamri A Ghani |
| Pengarah Bahagian (Pentadbiran & Kewangan) | Puan Maznah Abdul |

# CARTA ORGANISASI LEMBAGA KOKO MALAYSIA



# EKONOMI DAN PASARAN KOKO 2019

## RINGKASAN KEDUDUKAN EKONOMI DAN PASARAN KOKO

Pengeluaran biji koko dunia pada tahun 2018/19 dianggarkan mengalami peningkatan sebanyak 3.9% kepada 4.834 juta tan metrik berbanding 4.651 juta tan metrik pada tahun 2017/18 berikutan keadaan cuaca yang menggalakkan di Cote d'Ivoire. Pengisaran koko dunia pada tahun 2018/19 juga dianggarkan meningkat sebanyak 4.6% kepada 4.808 juta tan metrik berbanding 4.595 juta tan metrik pada tahun 2017/18. Peningkatan ini disumbangkan oleh pelaburan baru pengisaran serta peningkatan eksport produk-produk koko di negara-negara pengeluar koko. Oleh yang demikian, *International Cocoa Organization* (ICCO) menganggarkan ekonomi koko dunia pada tahun 2018/19 mengalami defisit pengeluaran sebanyak 21 ribu tan metrik.

**Ringkasan Status Industri Koko Tempatan dan Dunia**

| DUNIA | 2016/17 | 2017/18 | 2018/19[a] |
|---|---|---|---|
| Pengeluaran ('000 TM) | 4,731 | 4,651 | 4,834 |
| Penggunaan ('000 TM) | 4,397 | 4,596 | 4,807 |
| Stok ('000 TM) | 1,714 | 1,722 | 1,701 |
| Lebihan/defisit ('000 TM) | +287 | +8 | -21 |
| Harga ICCO (US$/TM) | 2,142 | 2,262 | 2,208 |
| **MALAYSIA** | **2017** | **2018** | **2019[a]** |
| Keluasan (ha) | 16,871 | 15,647 | 15,647 |
| Semenanjung (ha) | 3,293 | 2,814 | 2,814 |
| Sabah (ha) | 6,760 | 5,945 | 5,945 |
| Sarawak (ha) | 6,819 | 6,888 | 6,888 |
| Pekebun Kecil (ha) | 16,639 | 14,776 | 14,776 |
| Estet (ha) | 232 | 871 | 871 |
| Pengeluaran (TM) | 1,012 | 826 | 1,017 |
| Pengisaran (TM) | 218,258 | 249,661 | 343,727 |
| Perolehan eksport (RM '000) | 5,566,679 | 5,551,208 | 6,598,375 |
| Harga Biji Koko (RM/TM) | | | |
| Tawau | 6,178 | 6,155 | 6,623 |
| Raub | 6,496 | 6,530 | 6,877 |

*Sumber : International Cocoa Organization (ICCO), Vol. XLV No. 4, Cocoa Year 2018/19*
*a: anggaran*

## HARGA PASARAN KOKO

Secara keseluruhannya, harga biji koko pada tahun 2019 menunjukkan fluktuasi di antara £1,582 dan £2,056 setan metrik. Purata harga pada tahun 2019 di Tawau, Raub dan London masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 7.5%, 5.3% dan 8.5% kepada RM6,623, RM6,877 dan £1,794 setan metrik berbanding purata harga tahun 2018.

# SENARIO KOKO DUNIA

## Pengeluaran

Pengeluaran biji koko dunia pada tahun 2018/19 dianggarkan mengalami peningkatan sebanyak 3.9% kepada 4.834 juta tan metrik berbanding 4.651 juta tan metrik pada tahun 2017/18. Peningkatan ini adalah berikutan keadaan cuaca yang menggalakkan pada musim utama di Cote d'Ivoire. Pengeluaran di wilayah Afrika dianggarkan meningkat 5.7% kepada 3.696 juta tan metrik berbanding 3.496 juta tan metrik pada tahun 2017/18. Walau bagaimanapun, pengeluaran di wilayah Amerika dan wilayah Asia & Oceania masing-masing dianggarkan menurun sebanyak 0.5% dan 4.1% kepada 832 ribu tan metrik dan 306 ribu tan metrik.

Wilayah Afrika kekal sebagai pengeluar koko utama dunia yang menyumbang sebanyak 77% daripada jumlah pengeluaran biji koko dunia. Wilayah Amerika dan wilayah Asia & Oceania masing-masing menyumbang sebanyak 17% dan 6%.

**Pengeluaran Biji Koko Dunia Mengikut Wilayah**

| Wilayah | 2017/18 | | 2018/19[a] | | Peratus Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pengeluaran ('000 TM) | Peratus Sumbangan | Pengeluaran ('000 TM) | Peratus Sumbangan | |
| Afrika | 3,496 | 75.2 | 3,696 | 76.5 | +5.7 |
| Amerika | 836 | 18.0 | 832 | 17.2 | -0.5 |
| Asia &Oceania | 319 | 6.8 | 306 | 6.3 | -4.1 |
| **Pengeluaran Dunia** | **4,651** | **100.0** | **4,834** | **100.0** | **+3.9** |

*Sumber : ICCO, Volume XLV No. 4, Cocoa Year 2018/19*
*a anggaran*

Pengeluaran biji koko di Cote d'Ivoire pada tahun 2018/19 dianggarkan mengalami peningkatan yang tinggi sebanyak 13.0% kepada 2.220 juta tan metrik berbanding 1.964 juta tan metrik pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah berikutan keadaan cuaca yang menggalakkan di Cote d'Ivoire pada musim utama di antara bulan Oktober hingga Mac. Pengeluaran musim utama tahun 2018/2019 di Cote d'Ivoire mencatatkan angka tertinggi sebanyak 1.660 juta tan metrik.

Walau bagaimanapun, pengeluaran di Ghana dianggarkan menurun sebanyak 9.9% kepada 815 ribu tan metrik berbanding 905 ribu tan metrik pada tahun 2017/18 berikutan penyakit *Cocoa Swollen Shoot Virus* serta keadaan cuaca yang kurang menggalakkan.

Pengeluaran biji koko di Ecuador pada tahun 2018/19 pula dianggarkan meningkat sebanyak 9.9% kepada 315 ribu tan metrik berbanding 287 ribu tan metrik pada tahun 2017/18 berikutan peningkatan keluasan Kawasan tanaman serta penanaman klon CCN-51 yang menghasilkan produktiviti yang tinggi.

| Negara Pengeluar Biji Koko Utama Dunia | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Negara | 2017/18 ('000, TM) | 2018/19[a] ('000, TM) | Perbezaan | |
| | | | ('000, TM) | (%) |
| Cote d'Ivoire | 1,964 | 2,220 | +256 | +13.0 |
| Ghana | 905 | 815 | -90 | -9.9 |
| Ecuador | 287 | 315 | +28 | +9.9 |
| Cameroon | 250 | 280 | +30 | +12.0 |
| Nigeria | 250 | 250 | - | - |
| Indonesia | 240 | 220 | -20 | -8.3 |
| Brazil | 204 | 176 | -28 | -14.0 |
| Peru | 134 | 130 | -4 | -3.2 |
| Republik Dominican | 85 | 75 | -10 | -11.4 |
| Colombia | 55 | 60 | +5 | +9.1 |

*Sumber: ICCO, Vol. XLV No.4, Cocoa Year 2018/19*
*a anggaran*

**Penggunaan**

Pengisaran koko dunia pada tahun 2018/19 dianggarkan meningkat sebanyak 4.6% kepada 4.808 juta tan metrik berbanding 4.595 juta tan metrik pada tahun 2017/18. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan pelaburan dalam pengisaran serta eksport produk-produk koko di negara-negara pengeluar koko. Pengisaran di wilayah Eropah dan wilayah Afrika masing-masing dianggarkan meningkat sebanyak 0.5% dan 2.9% kepada 1.719 juta tan metrik dan 991 ribu tan metrik. Pengisaran di wilayah Amerika dan wilayah Asia & Oceania juga masing-masing dianggarkan meningkat sebanyak 2.9% kepada 14.4% kepada 897 ribu tan metrik dan 1.201 juta tan metrik berbanding pengisaran pada tahun 2017/18.

| Pengisaran Koko Dunia Mengikut Wilayah | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Wilayah | 2017/18 | | 2018/19[a] | | Peratus Peningkatan |
| | Pengisaran ('000 TM) | Peratus Sumbangan | Pengisaran ('000 TM) | Peratus Sumbangan | |
| Negara Pengeluar | 2,139 | 46.6 | 2,292 | 47.7 | +7.2 |
| Negara Pengimport | 2,456 | 53.4 | 2,516 | 52.3 | +2.4 |
| **Jumlah** | **4,595** | **100.0** | **4,808** | **100.00** | **+4.6** |
| Eropah | 1,710 | 37.2 | 1,719 | 35.8 | +0.5 |
| Afrika | 963 | 21.0 | 991 | 20.6 | +2.9 |
| Amerika | 872 | 19.0 | 897 | 18.6 | +2.9 |
| Asia & Oceania | 1,050 | 22.8 | 1,201 | 25.0 | +14.4 |
| **Pengisaran Dunia** | **4,595** | **100.0** | **4,808** | **100.00** | **+4.6** |

*Sumber: ICCO, Vol. XLV No.4, Cocoa Year 2018/19*
*Nota: a anggaran*

Di kalangan negara-negara pengeluar biji koko, jumlah pengisaran pada tahun 2018/19 dianggarkan meningkat sebanyak 7.2% kepada 2.292 juta tan metrik, menyumbangkan sebanyak 47.7% kepada jumlah pengisaran biji koko dunia. Pengisaran di Cote d'Ivoire dan Indonesia masing-masing dianggarkan meningkat sebanyak 5.5% dan 4.4% kepada 590 ribu tan metrik dan 504 ribu tan metrik berikutan pelaburan kilang baru di negara-negara tersebut. Walau bagaimanapun, pengisaran di Ghana dianggarkan menurun sebanyak 3.2% kepada 300 ribu tan metrik berbanding 310 ribu tan metrik pada tahun 2017/18.

Pengisaran di Malaysia pada tahun 2018/19 dianggarkan mengalami peningkatan yang tinggi sebanyak 38.3% kepada 327 ribu tan metrik berbanding tahun sebelumnya. Malaysia kini merupakan pengisar koko yang keenam terbesar di dunia selepas Belanda, Cote d'Ivoire, Indonesia, Jerman dan Amerika Syarikat.

Di kalangan negara-negara pengimport biji koko pula, jumlah pengisaran pada tahun 2018/19 dianggarkan meningkat sebanyak 2.4% kepada 2.516 juta tan metrik. Pengisaran di Belanda dianggarkan meningkat sebanyak 2.5% kepada 600 ribu tan metrik berbanding 585 ribu tan metrik pada tahun 2017/18. Pengisaran di Amerika Syarikat juga dianggarkan meningkat sebanyak 3.9% kepada 400 ribu tan metrik. Walau bagaimanapun, pengisaran di Jerman dianggarkan menurun sebanyak 1.8% kepada 440 ribu tan metrik berbanding 448 ribu tan metrik pada tahun 2017/18.

**Negara Pengisar Utama Dunia**

| Negara | 2017/18 ('000, TM) | 2018/19[a] ('000, TM) | Perbezaan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ('000, TM) | (%) |
| Belanda | 585 | 600 | +15 | +2.5 |
| Cote d'Ivoire | 559 | 590 | +31 | +5.5 |
| Indonesia | 483 | 504 | +21 | +4.4 |
| Jerman | 448 | 440 | -8 | -1.8 |
| Amerika Syarikat | 385 | 400 | +15 | +3.9 |
| **Malaysia** | **236** | **327** | **+90** | **+38.3** |
| Ghana | 310 | 300 | -10 | -3.2 |
| Brazil | 230 | 235 | +5 | +2.2 |
| Perancis | 152 | 150 | +6 | +3.9 |
| Turki | 99 | 110 | +12 | +11.7 |

*Sumber: ICCO, Vol. XLV No.4, Cocoa Year 2018/19*
*Nota: a anggaran*

# STATUS INDUSTRI KOKO MALAYSIA

## Keluasan

Keluasan tanaman koko di Malaysia pada tahun 2019 dianggarkan sebanyak 15,647 hektar. Sarawak menyumbangkan 44% daripada jumlah keluasan diikuti oleh Sabah (38%) dan Semenanjung Malaysia (18%). Sektor pekebun kecil meliputi 94.4% manakala sektor estet sebanyak 5.6% daripada jumlah keseluruhan keluasan koko di Malaysia.

## Pengeluaran

Jumlah pengeluaran biji koko tempatan pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 23.1% kepada 1,017 tan metrik berbanding 826 tan metrik pada tahun 2018. Wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 76.7% dan 0.5% kepada 533 tan metrik dan 151 tan metrik. Walau bagaimanapun, pengeluaran biji koko di Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 11% kepada 333 tan metrik berbanding 374 tan metrik pada tahun 2018.

Wilayah Sabah merupakan penyumbang utama pengeluaran biji koko Malaysia pada tahun 2019 iaitu 533 tan metrik atau 52.4% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran. Ini diikuti oleh Semenanjung Malaysia dan Sarawak masing-masing sebanyak 333 tan metrik (32.7%) dan 151 tan metrik (14.8%).

## Pengisaran

Jumlah pengisaran biji koko tempatan pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 37.7% kepada 343,727 tan metrik berbanding 249,661 tan metrik pada tahun 2018. Peningkatan pengisaran tempatan disumbangkan oleh kedudukan harga biji koko yang rendah menggalakkan aktiviti pengisaran serta permintaan yang baik untuk produk-produk koko.

# PERDAGANGAN LUAR

## Eksport

Perolehan eksport biji koko dan produk-produk koko pada tahun 2019 berjumlah RM6.598 bilion iaitu meningkat sebanyak 18.9% berbanding RM5.551 bilion pada tahun 2018. Nilai eksport kulit biji koko, lemak koko, pes koko, kek koko, serbuk koko dan coklat masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 5.6%, 61.2%, 12.2%, 50.3%, 24.1% dan 10.5% berbanding tahun 2018. Walau bagaimanapun, nilai eksport semula biji koko mencatatkan penurunan sebanyak 24.6%.

Lemak koko merupakan penyumbang utama kepada pendapatan eksport biji koko dan produk-produk koko pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM2.540 bilion atau 38.5% daripada jumlah pendapatan eksport.

Kuantiti eksport lemak koko pada tahun 2019 meningkat sebanyak 39.6% kepada 124,589 tan metrik berbanding tahun sebelumnya. Nilai eksport produk ini juga mencatatkan peningkatan sebanyak 61.2% kepada RM2.540 bilion berbanding RM1.576 bilion pada tahun 2018. Amerika Syarikat merupakan destinasi eksport utama bagi lemak koko Malaysia yang menyumbang sebanyak 24.9% daripada keseluruhan eksport lemak koko diikuti oleh Jepun (13.6%) dan Estonia (8.1%).

Bagi serbuk koko tanpa bahan pemanis pula, kuantiti eksport pada tahun 2019 meningkat sebanyak 9.9% kepada 158,580 tan metrik. Nilai eksport produk ini mencatatkan peningkatan sebanyak 25.2% kepada RM1.140 bilion berbanding RM911.0 juta pada tahun 2018. Thailand merupakan destinasi eksport utama bagi serbuk koko tanpa bahan pemanis dari Malaysia yang menyumbangkan 10.4% daripada keseluruhan eksport diikuti oleh Republik Rakyat China (10.2%) dan Indonesia (8.3%).

Kuantiti dan nilai eksport serbuk koko yang dimaniskan pada tahun 2019 pula masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 27.3% dan 16.4% kepada 26,052 tan metrik dan RM139.30 juta. Jepun merupakan pasaran eksport utama bagi produk ini yang menyumbangkan sebanyak 51.0% daripada keseluruhan eksport diikuti oleh Republik Rakyat China (26.7%) dan Indonesia (9.2%).

Kuantiti eksport pes koko Malaysia pada tahun 2019 pula menunjukkan peningkatan sebanyak 4.9% kepada 33,386 tan metrik. Nilai eksport produk ini juga mencatatkan peningkatan sebanyak 12.2% kepada RM492.8 juta berbanding RM439.4 juta pada tahun 2018. Singapura kekal sebagai pengimport utama pes koko Malaysia yang menyumbangkan sebanyak 30.9% daripada jumlah keseluruhan eksport diikuti oleh Jepun (20.1%) dan Republik Rakyat China (10.1%).

Bagi kek koko pula, kuantiti dan nilai eksport pada tahun 2019 masing-masing meningkat sebanyak 37.6% dan 50.3% kepada 10,765 tan metrik dan RM70.4 juta berbanding tahun sebelumnya. Amerika Syarikat merupakan pengimport utama kek koko Malaysia iaitu sebanyak 45.0% daripada jumlah keseluruhan eksport diikuti oleh Brazil (28.2%) dan Republik Rakyat China (11.9%).

Kuantiti eksport coklat Malaysia pada tahun 2019 meningkat sebanyak 20.0% kepada 63,955 tan metrik berbanding tahun 2018. Nilai eksport coklat Malaysia juga meningkat sebanyak 10.5% kepada RM1.140 bilion berbanding RM1.031 bilion pada tahun 2018. Jepun merupakan pengimport utama produk coklat Malaysia iaitu menyumbangkan sebanyak 20.4% daripada keseluruhan eksport diikuti oleh Republik Rakyat China (14.6%) dan Filipina (11.2%).

**<u>Eksport Biji Koko dan Produk-Produk Koko Tahun 2018 dan 2019</u>**






| Kuantiti dan Nilai Eksport Biji Koko dan Produk-Produk Koko Tahun 2018 & 2019 | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kuantiti (TM) | | | Nilai (RM'000) | | |
| | 2018 | 2019 | % | 2018 | 2019 | % |
| *Biji Koko | 155,572 | 110,892 | -28.7 | 1,426,805 | 1,075,375 | -24.6 |
| Kulit Biji Koko | 292 | 510 | 74.7 | 142 | 150 | 5.6 |
| Lemak Koko | 89,242 | 124,589 | 39.6 | 1,576,342 | 2,540,407 | 61.2 |
| Pes Koko | 31,840 | 33,386 | 4.9 | 439,388 | 492,829 | 12.2 |
| Kek Koko | 7,826 | 10,765 | 37.6 | 46,819 | 70,366 | 50.3 |
| Serbuk Koko | 164,799 | 184,628 | 12.0 | 1,030,674 | 1,279,477 | 24.1 |
| Coklat | 53,282 | 63,954 | 20.0 | 1,031,038 | 1,139,771 | 10.5 |
| **JUMLAH** | | | | **5,551,208** | **6,598,375** | **18.9** |

**Nota : Jumlah nilai eksport termasuk nilai eksport semula (re-export) biji koko*

| Pasaran Utama & Pasaran Baru Untuk Eksport Produk-Produk Koko Pada Tahun 2019 | | |
|---|---|---|
| **Produk-Produk Koko** | **Lima Pasaran Utama** | **Pasaran Baru** |
| **Lemak Koko** | Amerika Syarikat (24.9%)<br>Jepun (13.6%)<br>Estonia (8.1%)<br>Australia (7.2%)<br>Russia (6.8%) | Costa Rica |
| **Kek Koko** | Amerika Syarikat (45.0%)<br>Brazil (28.2%)<br>Republik Rakyat China (11.9%)<br>Indonesia (8.8%)<br>Bangladesh (1.0%) | Iran |
| **Pes Koko** | Singapura (30.9%)<br>Jepun (20.1%)<br>Republik Rakyat China (10.1%)<br>Australia (9.2%)<br>Turki (7.9%) | Cameroon |
| **Serbuk Koko (dimaniskan)** | Jepun (51.0%)<br>Republik Rakyat China (26.7%)<br>Indonesia (9.2%)<br>India (4.7%)<br>Singapura (3.4%) | Tuvalu dan Macau |
| **Serbuk Koko (tanpa bahan pemanis)** | Thailand (10.4%)<br>Republik Rakyat China (10.2%)<br>Indonesia (8.3%)<br>Amerika Syarikat (18.3%)<br>Russia (6.7%) | Angola |
| **Coklat** | Jepun (20.4%)<br>Republik Rakyat China (14.6%)<br>Filipina (11.2%)<br>Singapura (6.9%)<br>Thailand (68%) | |

**Import**

Nilai import biji koko dan produk-produk koko Malaysia pada tahun 2019 adalah berjumlah RM4.678 bilion iaitu meningkat sebanyak 7.0% berbanding RM4.370 bilion pada tahun 2018. Nilai import biji koko, kulit biji koko, lemak koko, pes koko dan coklat masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 7.6%, 3.3%, 43.8%, 29.8% dan 7.5%. Walau bagaimanapun, nilai import bagi kek koko dan serbuk koko masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 14.0% dan 13.8%.

Nilai import bagi biji koko meliputi 73.2% atau RM3.425 bilion daripada jumlah keseluruhan import biji koko dan produk-produk koko Malaysia pada tahun 2019.

**Kuantiti dan Nilai Import Biji Koko dan Produk-produk Koko Pada Tahun 2018 & 2019 )**

| | Kuantiti (TM) | | | Nilai (RM'000) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2019 | % | 2018 | 2019 | % |
| Biji Koko | 345,489 | 351,493 | 1.7 | 3,181,343 | 3,424,713 | 7.6 |
| Kulit Biji Koko | 10,738 | 7,754 | -27.8 | 14,752 | 15,237 | 3.3 |
| Lemak Koko | 2,124 | 2,557 | 20.4 | 42,497 | 61,108 | 43.8 |
| Pes Koko | 16,643 | 18,148 | 9.0 | 167,946 | 217,913 | 29.8 |
| Kek Koko | 34,211 | 35,098 | 2.6 | 225,586 | 193,996 | -14.0 |
| Serbuk Koko | 17,995 | 14,295 | -20.6 | 136,294 | 117,478 | -13.8 |
| Coklat | 29,135 | 29,975 | 2.9 | 602,008 | 647,331 | 7.5 |
| **JUMLAH** | | | | **4,370,426** | **4,677,776** | **7.0** |

## PROSPEK

Prospek pengeluaran bagi musim utama tahun 2019/20 di Afrika Barat yang bermula pada bulan Oktober 2019 adalah baik. Walau bagaimanapun, langkah Cote d'Ivoire dan Ghana memperkenalkan harga premium kepada petani untuk biji koko yang dieksport pada musim 2020/21 juga mempengaruhi kedudukan harga pada masa hadapan. Sehubungan itu, kedudukan harga biji koko pada suku tahun pertama tahun 2020 diramalkan berada di antara RM7,500 dan RM8,000 setan metrik.

Berdasarkan prestasi semasa, pengeluaran biji koko tempatan pada tahun 2020 diramal melebihi paras 1,000 tan metrik. Sementara pengisaran tempatan pada tahun 2020 diramalkan kekal pada paras 340,000 tan metrik.

| PETUNJUK PRESTASI INDUSTRI KOKO 2019 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bil** | **PRESTASI** | **2016** | **2017** | **2018** | **2019a** |
| 1. | Keluasan (ha)* | 17,421.13 | 17,563.13 | 15,647.24 | 15,647.24 |
| 2. | Keluasan mengikut wilayah (ha)<br>Semenanjung<br>Sabah<br>Sarawak | <br>3,734.11<br>6,871.65<br>6,815.37 | <br>3,743.11<br>6,957.65<br>6,862.37 | <br>2,814.39<br>5,944.90<br>6,887.95 | <br>2,814.39<br>5,944.90<br>6,887.95 |
| 3. | Keluasan mengikut sektor(ha)<br>Estet<br>Pekebun Kecil | <br>932.05<br>16,489.08 | <br>924.05<br>16,639.08 | <br>871.67<br>14,775.57 | <br>871.67<br>14,775.57 |
| 4. | Keluasan kawasan cukup umur (ha)<br>Estet<br>Pekebun Kecil | 12,999<br>638<br>12,361 | 14,949<br>637<br>14,312 | 9,525<br>660<br>8,865 | 9,525<br>660<br>8,865 |
| 5. | Bilangan pengusaha mengikut sektor (bil)<br>Estet<br>Pekebun Kecil | <br>8<br>13,613 | <br>7<br>13,726 | <br>7<br>12,839 | <br>7<br>12,839 |
| 6. | Hasil Pengeluaran (tan/ha)** | 0.14 | 0.07 | 0.09 | 0.11 |
| 7. | Pengeluaran (tan metrik) | 1,756.68 | 1,028.83 | 826.39 | 1,017.10 |
| 8. | Pengisaran (tan metrik) | 203,093 | 218,258 | 249,661 | 343,727 |
| 9. | Perolehan eksport (RM'000)<br>(termasuk nilai *re-export* bii koko kering) | 5,736,055 | 5,566,679 | 5,551,208 | 6,598,375 |
| 10. | Jumlah Import (RM'000) | 4,250,289 | 4,351,123 | 4,340,426 | 4,677,776 |
| 11. | Kos Pengeluaran (RM/ha/tahun)<br>Tanpa Kos Buruh<br>Termasuk Kos Buruh | <br>3,420<br>6,120 | <br>3,600<br>6,300 | <br>3,264<br>5,964 | <br>3,264<br>5,964 |
| 12. | Pendapatan pekebun kecil (RM/ha/bulan) | 195.30 | 72.08 | 51.30 | 62.86 |
| 13. | Gunatenaga (orang) | 28,095 | 28,127 | 27,155 | 27,155 |

Nota:
*a anggaran*
* *Maklumat anggaran keluasan adalah termasuk keluasan estet-estet koko di bawah agensi kerajaan*
* *Maklumat pengeluaran adalah termasuk pengeluaran estet-estet koko di bawah agensi kerajaan*
* *Purata pegangan saiz keluasan kebun koko 2018 adalah 1ha*
* *Pengiraan pendapatan pekebun kecil menggunakan harga koko di Tawau, Sabah*
* *Tidak mengambilkira kos pengeluaran kerana pekebun kecil koko mendapat insentif input pertanian.*

# AKTIVITI DAN PROGRAM

## PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)

Pada tahun 2019, LKM telah menjalankan 36 projek R&D termasuk satu projek dengan kerjasama agensi tempatan dan dua projek dengan agensi antarabangsa. Peruntukan menjalankan projek R&D diperolehi daripada Tabung Penyelidikan LKM, dana pembangunan, dana kerjasama dan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS).

Antara kejayaan utama aktiviti R&D LKM pada tahun 2019 adalah pendaftaran lima hakcipta di bawah Hak Cipta Intelek (IPR), satu output teknologi, sembilan output produk dan tiga produk dikomersialkan. Sebanyak 10 anugerah berkaitan penyelidikan dan pembangunan yang telah diterima pada tahun 2019. Manakala, sebanyak 123 hasil kajian telah diterbitkan dan dibentangkan di peringkat dalam dan luar negara.

Program R&D LKM tertumpu kepada lima program penyelidikan iaitu Bahan Tanaman Koko, Pengurusan Tanaman Koko, Pengurusan Penyakit & Perosak Koko, Pembangunan Produk dan Pemprosesan Koko serta program pengurusan pusat R&D.

**<u>Aktiviti-aktiviti penyelidikan utama R&D LKM (Huluan)</u>**

- Pembangunan Bahan Tanaman : Antara kajian yang dijalankan ialah konservasi janaplasma, percubaan projeni dan klon (tempatan dan antarabangsa), pembangunan bahan tanaman unggul, (rintang penyakit & perosak, perisa koko yang baik), data pengenalpastian klon melalui pengecapan jari DNA, propagasi massa klon koko, kajian klon yang tahan musim kemarau dan hujan, pembangunan tanaman koko organic dan pengenalpastian klon-klon koko yang tinggi kandungan bahan aktif yang berguna untuk kesihatan.

- Pengurusan Tanaman : Antara kajian yang dijalankan adalah kajian pembajaan kajian kandungan tanah, pembangunan baja, sistem tanaman koko (pembentukan kanopi pokok menggunakan sistem trellis, kepadatan dirian pokok, tanaman integrasi), sistem fertigasi untuk musim kemarau dan *precision farming* mengunakan *GIS-based site specific* dan kajian kematangan buah untuk dituai.

- Pengurusan Perosak dan Penyakit Koko : Perosak dan penyakit utama buah koko adalah Ulat Pengorek Buah Koko (UPBK) dan penyakit buah hitam. Antara kajian yang dijalankan adalah menilai bahan tanaman rintang UPBK, ekstrak tumbuhan sebagai kawalan pupa serangga, alat interaktif bagi pengurusan UPBK, kawalan menggunakan formulasi biopestisida, kawalan menggunakan formulasi mikrob dan kajian semula penggunaan ultrasonik penghalau serangga.

**<u>Aktiviti-aktiviti penyelidikan utama R&D LKM (Hiliran)</u>**

- Pembangunan Produk : Kajian termasuk pembangunan produk ais krim berasaskan lemak koko, pembangunan coklat tanpa gula yang ditambah ekstrak berfungsi (seperti teh hijau dan gingko biloba), pembangunan diet coklat bar dengan perkadaran nutrisi yang seimbang dan mengekstrak serta membuat profil kandungan perisa dalam pulpa koko untuk pembangunan bahan pewangi.

- Pemprosesan, penyimpanan koko dan analisis, *waste to wealth* : Kajian yang dijalankan adalah pembangunan biochar dari kulit buah koko, pembangunan produk farmaseutikal berasaskan koko, kajian bioaktif peptida (bahan antioksida, bahan antimikrob) dari kulit buah koko, pembangunan serum antibakteria dari tisu koko, pembangunan agen antikanser dari daun koko dan pembangunan tablet antioksidan dari ekstrak polipenol koko

**Satu projek penyelidikan dengan kerjasama agensi tempatan pada tahun 2019**

- *Cocoa endophytic and cocoa plants microbiome: Effects on combating human pathogens and fermentation process* (kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia).

**Dua projek antarabangsa yang dijalankan oleh LKM pada tahun 2019**

- *Development and optimization of an artificial diet for laporatory rearing of cocoa pod borer (CPB) conopomorpha cramerella, a Research Framework Agreement between MARS and Malaysian Cocoa Board*.
- Kajian berkaitan pembangunan bahan tanaman koko bersama *Asia-Pacific INGENIC (The International Group for Genetic Improvement of Cocoa) Working Group*

| Anugerah R&D yang diterima oleh LKM pada tahun 2019 | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Tajuk Inovasi, Penyelidik** | **Anugerah** | **Acara** |
| 1 | Pembangunan DeMKoko dalam pengurusan perosak ulat pengorek buah koko.<br>Ling, A.S.C., Kharmar, S., Navies, M., Haya, R., Sarinah, A., Paulus, L. & Jenrry, S. | Pingat Emas | *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2019 (iComEx'19)*, 19-21 Mac 2019, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Politeknik, Kedah |
| 2 | *Does weight and height of breeding substrates in the transferable container influence the population of cocoa pollinator Forcipomyia sp?.*<br>Saripah, B. | Persembahan Pembentangan Terbaik | *International Conference on Emerging Trends in Science and Social Science (ICETSSS),* 3-4 Mei 2019, Kuala Lumpur |
| 3 | *Improved shallow box fermentation process for the production of high quality dried cocoa beans.*<br>Khairul, B.S. | Pingat Emas | *30th International Invention & Innovation Exhibition 2019* (ITEX 2019), 2-4 Mei 2019, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) |
| 4 | *Multipurpose Agriculture Tools.*<br>Nurfadzillah, M., Sulaiman, H., Syed, M.F., Abd., O., Rozita, O. & Haya,R. | Pingat Emas | |
| 5 | *Simplycoa: Cocoa Liquor-fortified face mask cosmetic.*<br>Norliza, A.W., Alyaa Nurathirah, A.H. & Arief Huzaini, M.Y. | Pingat Perak | |
| 6 | *Natural look mascara & eyeliner from cocoa for eyelashes.*<br>Azila,A.K. & Nur Azilah, A. | Pingat Perak | |
| 7 | *Sublethal effects of Zingiberaceae essential oil on the life cycle of Conopomorpha cramerella (Lepidoptera: Gracillariidae).*<br>Saripah, B., Zhang, A., Siti Noor Hajjar, M.L. & Alias, A. | *Student Travel Award* | *2019 International Society of Chemical Ecology Annual Meeting,* 2-6 Jun 2019, Atlanta, Georgia, Amerika Syarikat. |

**Anugerah R&D yang diterima oleh LKM pada tahun 2019**

| Bil | Tajuk Inovasi, Penyelidik | Anugerah | Acara |
|---|---|---|---|
| 8 | *Automated satellite based precision farming management od smart and precise plantation.* Tee, Y.K., A.S.M. Mukter, Z., Shamala, M. Jalaluddin, E., Muhammad Helmy, A.R., Raja Nursharizatul Azira, R.M.S., Muhammad Syarafuddin, M.N. Nurhidayah, H. & Siva, K.B. | Pingat Perak | *International Conference and Exposition on Inventions (PECIPTA)* 2019, 22-23 September 2019, Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor |
| 9 | *Cocoa bean sample submitted to the Cocoa of Excellence Programme (CoEx) 2019. Selected as part of the best 50 samples and awarded a 2019 International Cocoa Award at Salon du Chocolat, Paris, France.* Aizat, J., Nuraziawati, M.Y. & Haya, H. | *Gold Banner, the 20th International Cocoa Awards* | *2019 International Cocoa Award at Salon du Chocolat,* 30th Oktober 2019, Paris, Perancis. |
| 10 | *Cocoa-GIS Industrial revolutionized integrated elements.* Saripah, B. & Nir Aizam, A. | Saguhati | *The Sustainability Challenge 2019 (SC 2019),* 12 Disember 2019, Bangi, Selangor. |

| **Output Project R&D LKM pada tahun 2019** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Output** | **Jenis Output** | **Ketua Projek/Pasukan** |
| 1 | *A sensor for detection of root activity* | Teknologi | Tee Yei Kheng |
| 2 | *Facial Mask Cosmetic* | Produk | Norliza Abdul Wahab |
| 3 | *Bio-fungicide from endophyte microbe of cocoa environment* | Produk | Dr. Ishak Zubir |
| 4 | *Biofertilizer from endophyte microbe of cocoa environment* | Produk | Dr. Ishak Zubir |
| 5 | *MCBC 14 clone (Cocoa and Nutty flavour)* | Produk | Haya Ramba & Dr. Sabariah Samsudin |
| 6 | *QH 441 clone (Cocoa and Spicy Flavour)* | Produk | Hay Ramba & Dr. Sabariah Samsudin |
| 7 | *PBC140 clone (Cocoa Flavour)* | Produk | Haya Ramba & Dr. Sabariah Samsudin |
| 8 | *MCBC 9 clone (Cocoa and Floral Flavour)* | Produk | Haya Ramba & Dr. Sabariah Samsudin |
| 9 | *FCBD 63 (MCBC 15) clone (Cocoa, Nutty and Fresh Fruit Flavour)* | Produk | Haya Ramba & Dr. Sabariah Samsudin |
| 10 | *MCBC 12 clone (Cocoa, Fresh Fruit and Floral Flavour)* | Produk | Haya Ramba & Dr. Sabariah Samsudin |

| Senarai IPR Project R&D LKM pada tahun 2019 | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Output IPR** | **Jenis IPR** | **Ketua Projek** |
| 1 | *Prospective of Zingiberaceae essential oils for controlling insects pests* | *Copyright LY2018003279, CRLY00011886* | Saripah Bakar |
| 2 | *A sensor for detection of root activity* | *Patent PI2019002289* | Tee Yei Kheng |
| 3 | *Facial mask cosmetic* | *Trade Secret* | Norliza Abdul Wahab |
| 4 | *Endophytic bacteria for controlling cocoa plant diseases* | *Patent MY-169784-A* | Dr. Ishak Zubir |
| 5 | *A process for obtaining rich extract from unfermented cocoa beans and products from said extract* | *Patent MY-169893-A* | Rosmawati mat Shair |

| Senarai produk/teknologi dikomersialkan pada tahun 2019 | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Produk/Teknologi** | **Taker** | **Ketua Projek** |
| 1 | *Cocoa based shower cream* | *Syarikat Three Dimension PTL (3D)* | Dr. Azila Abdul Karim |
| 2 | *Cocoa based shower gel* | *Syarikat Three Dimension PTL (3D)* | Dr. Azila Abdul Karim |
| 3 | *Cocoa based body scrub* | *Syarikat Three Dimension PTL (3D)* | Dr. Azila Abdul Karim |



# PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN KUMPULAN SASARAN

Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Kumpulan Sasaran memfokuskan kepada penanam koko dan usahawan coklat buatan tangan.

## PROGRAM PEMBANGUNAN PENANAM KOKO

Pada tahun 2019, Bahagian Pemindahan Teknologi & Pengembangan (TOTe) telah melaksanakan program-program pembangunan RMKe-11 seperti berikut:

i. Program Peningkatan Produktiviti Koko 2019 (PPP 19) Pekebun-pekebun Kecil seluruh Malaysia;
ii. Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko 2019 (CC 19); dan
iii. Pemantauan pelaksanaan pembangunan jalan ladang.

Bahagian TOTe turut melaksanakan projek kerjasama antara agensi iaitu Projek Pembangunan Lembah Koko Orang Asli dan Projek Agropolitan Rantau Manis.

Aktiviti lain adalah pemantauan produktiviti pekebun kecil koko dan melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi dan pengembangan.

### Program Peningkatan Produktiviti Koko 2019 (PPP 19)

PPP koko adalah untuk membantu petani mencapai tahap pengeluaran hasil yang optimum dan mengalakkan pengekalan kawasan tanaman koko yang telah dibangunkan melalui projek pembangunan terdahulu.

Pada tahun ini, agihan insentif baja di bawah PPP 19 adalah berdasarkan komitmen petani yang dinilai melalui maklumat hasil jualan, dirian pokok dan komitment petani dalam penanaman koko. Contoh agihan baja berdasarkan pengeluaran koko, pengeluaran melebihi 1.0 metrik tan/ha akan menerima 40 beg baja sehektar, manakala pengeluaran antara 0.5-0.59 metrik tan/ha akan menerima 20 beg baja sehektar.Contoh agihan berdasarkan dirian pokok, dirian melebihi 1,000 pokok/ha akan menerima 20 beg baja sehektar, manakala dirian 500-599 pokok akan menerima 10 beg baja sehektar.

PPP 19  dalam RMK-11 merupakan kesinambungan kepada program RMK-9, RMK-10 dan PPP 18. PPP 19 merangkumi aktiviti pemindahan teknologi iaitu bantuan insentif kepada petani dan kursus teknologi lanjutan.

**Keluasan fizikal PPP 19 mengikut wilayah**

| Wilayah | Luas (Hektar) | Petani (Orang) |
|---|---|---|
| Sabah | 1,390.77 | 1,972 |
| Semenanjung | 236.20 | 697 |
| Sarawak | 408.93 | 601 |
| **Jumlah** | **2,035.90** | **3,270** |

**Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko 2019 (CC 19)**

Pembangunan Rantaian Kluster Koko adalah bertujuan untuk mencapai objektif Dasar Komoditi Negara (DKN), melalui strategi ke-12 iaitu membangunkan kelestarian kelompok koko.

Objektif Kluster Koko adalah:

i. Untuk meningkatkan pengeluaran biji koko melalui peningkatan produktiviti dan memaksimumkan penggunaan tanah yang melibatkan pembangunan bersama komuniti;
ii. Untuk meningkatkan pendapatan masyarakat daripada garis kemiskinan dengan menggunakan komuniti sebagai wadah dalam pembangunan kelompok,dan koperasi; dan
iii. Untuk meningkatkan pembangunan kegiatan hiliran seiring dengan pembangunan koko yang harmoni dengan alam sekitar dan Amalan Pertanian Baik (GAP).

Konsep Kluster Koko merupakan konsep yang dikenali sebagai konsep '*Farms To Table*' iaitu segala aktiviti berasaskan koko yang bermula daripada peringkat nurseri koko kepada penghasilan produk akhir koko (coklat). Melalui peringkat ini, ia sebenarnya beroperasi secara langsung di tapak kluster koko.

Pembangunan Rantaian Kluster Koko ini dibangunkan di tiga wilayah iaitu di Sebuyau (*SARA Cocoa Cluster*), Ranau (*Ranau Highland Cocoa Cluster*) dan Jerantut (*Pahang Cocoa Belt*).

Aktiviti untuk meningkatkan pengeluaran hasil koko petani adalah seperti mengalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP), pemindahan teknologi, mengukuhkan sistem kelompok dan melaksanakan kursus *Farmer's Field School* (FFS).

**Pembangunan Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) 2019**

JLPK dibangunkan untuk mengurangkan masalah infrastuktur jalan raya khususnya di kawasan pendalaman. Pada tahun 2019, sebanyak empat projek pembangunan JPLK telah siap dilaksanakan.

Semua projek dilaksanakan di Sabah di kampung berikut:

i. Penyelenggaraan 2km jalan di Kg Takutan, Ranau;
ii. Penyelenggaraan 2km jalan di Kg Togis, Ranau;
iii. Penyelenggaraan 2km jalan di Kg Sedul, Ranau; dan
iv. Pembinaan 2km jalan baru di Kg Tagarangen, Ranau.

Pembinaan jalan-jalan ini memberi kemudahan kepada 56 petani koko di sekitar kawasan berdekatan.

**Projek Kerjasama Agensi – Projek Pembangunan Lembah Koko Orang Asli**

Projek ini adalak projek kerjasama di antara LKM dan JAKOA, bermula pada RMK-9. Projek ini adalah untuk membangunkan tanaman koko di perkampungan orang asli. Setakat tahun 2013, kawasan yang terlibat adalah di Pos Yom, Sg Siput, Perak yang termasuk 13 buah perkampungan iaitu Kg Yom, Kg Pendeq, Kg Mangyes, Kg Kutai, Kg Beswok, Kg Dawoi, Kg Pisang, Kg Kenang, Kg Toh, Kg Gapeh, Kg Kuala Mu, Kg Bersah dan Kg Kajang.

Namun demikian, projek ini menghadapi masalah berkaitan komitmen petani dan isu pengurusan projek. Oleh itu, beberapa perbincangan telah diadakan bermula 27 Jun 2018 sehingga akhir tahun 2019 untuk menilai semula prestasi projek dan menyelesaikan masalah berkaitan.

LKM dan JAKOA telah memutuskan untuk meneruskan projek ini pada tahun 2020 dengan menggunakan baki peruntukan sebanyak RM866,280. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan adalah membuka kawasan tanaman koko baru yang disasarkan seluas 50 hektar di Pos Yom, Pos Kuala Mu dan Kg Bawong serta memulihkan kawasan tanaman koko sedia ada (keluasan belum dibuat keputusan). Pemilihan peserta akan dibuat dengan lebih terperinci untuk memastikan komitmen pengusaha yang lebih  tinggi.

**Pembangunan Tanaman Baru Koko Kluster Pahang**

Pada tahun 2019, LKM sedang bekerjasama dengan JAKOA untuk membuat perancangan membangunkan Kawasan tanaman koko baru di kawasan orang asli Pahang. Kawasan ini adalah sebahagian daripada projek di bawah Projek Kluster Koko Pahang tahun 2020. Setakat ini, 189 permohonan telah diterima oleh peserta dari tiga daerah iaitu Temerloh, Lipis dan Bentong, yang meliputi kawasan seluas 120 hektar.

**Projek Kerjasama Agensi – Projek Agropolitan Rantau Manis**

Projek tanaman koko di Taman Agropolitan Rantau Manis adalah projek kerjasama antara LKM, Lembaga kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Peserta projek adalah di kalangan miskin tegar yang dipilih melalui E-Kasih dan E-Tegar. Pada tahun 2013, seluas 188.25 hektar dan 625 orang petani terlibat dalam projek ini (Program Pemulihan, Tanamam baru 2012 dan Tanaman Baru 2013). Memorundum perjanjian di antara LKM dan ECERDC telah berakhir pada 31 Disember 2018. Oleh itu, pada tahun 2019, sesi penilaian semula projek dan penyediaan deraf MOA baru telah dilaksanakan.

## Pemantauan Produktiviti Pekebun Kecil Koko

Pemantauan produktiviti ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat keberkesanan program pembangunan yang dilaksanakan. Data pengeluaran biji koko kering diperolehi dari maklumat pembelian biji koko kering melalui Program Khidmat Sokongan Pasaran Domestik (KSPD) LKM dan maklumat penjualan hasil daripada petani. Pada tahun 2019, jumlah pengeluaran biji koko kering dari kawasan petani yang dipantau adalah 516,034.15 kg atau anggaran 516 metrik tan.

**Data Pemantauan Produktiviti Pekebun Kecil Koko 2019**

| Wilayah | Keluasan (Ha) | Hasil (Kg/tahun) | Produktiviti (tan/ha) |
|---|---|---|---|
| Sabah | 2,115.30 | 343,023.53 | 0.16 |
| Sarawak | 963.98 | 82,631.58 | 0.09 |
| Semenanjung | 279.39 | 90,379.34 | 0.32 |
| **Jumlah** | **3,358.67** | **516,034.45** | **0.15** |

Pengeluaran biji koko di kawasan program kluster koko turut dipantau. Perbandingan pengeluaran tahun 2018 dan 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak 35.80%.

**Data Pemantauan Pengeluaran Biji Koko Kering di wilayah Kluster Koko 2018 dan 2019**

| Wilayah Kluster | Pengeluaran 2018 (Kg) | Pengeluaran 2019 (Kg) | Perbezaan (Kg) | Perbezaan -/+ (%) |
|---|---|---|---|---|
| Highlands Cocoa Ranau, Sabah | 37,389.16 | 55,410.62 | 18,021.46 | 48.20 |
| SARA Cocoa Cluster, Sarawak | 20,482.70 | 30,684.01 | 10,201.31 | 49.80 |
| Pahang Cocoa Belt | 20,868.50 | 20,833.30 | -35.20 | -0.17 |
| **Jumlah** | **78,740.36** | **106,927.93** | **28,187.57** | **35.80** |

## Aktiviti Pemindahan Teknologi dan Pengembangan

Pada tahun 2019, Bahagian TOTe telah melaksanakan 2,185 aktiviti pemindahan teknologi dan pengembangan yang melibatkan 30,215 orang petani dan orang awam.

**Aktiviti Pemindahan Teknologi dan Pengembangan 2019**

| BIL. | AKTIVITI | Semenanjung | | Sarawak | | Sabah | | JUMLAH | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil. | Petani | Bil. | Petani | Bil. | Petani | Bil. | Petani |
| 1 | Mesyuarat Kelompok | 11 | 172 | 70 | 462 | 62 | 1,021 | **143** | **1,655** |
| 2 | Mesyuarat Antara Agensi | 20 | 81 | 49 | 155 | 14 | 507 | **83** | **743** |
| 3 | Pameran | 4 | 885 | 2 | 1,100 | 9 | 6,426 | **15** | **8,411** |
| 4 | Lawatan Kelompok | 5 | 85 | 6 | 38 | 6 | 90 | **17** | **213** |
| 5 | Road Show | 1 | 3 | - | - | 3 | 547 | **4** | **550** |
| 6 | Taklimat | 5 | 146 | 1 | 800 | 15 | 201 | **21** | **1,147** |
| 7 | Sesi Soal Jawab/Dialog | 2 | 72 | 1 | 300 | 29 | 486 | **32** | **858** |
| 8 | Kursus Asas Teknologi Koko | 1 | 8 | - | - | 1 | 100 | **2** | **108** |
| 9 | Kursus Pembangunan & Pengurusan Nurseri & Teknologi Cantuman | 3 | 76 | - | - | - | - | **3** | **76** |
| 10 | Kursus Pengeringan, Pemprosesan & Pengurusan Kualiti Biji Koko Kering | 1 | 70 | - | - | 1 | 80 | **2** | **150** |
| 11 | Kursus Teknologi Lanjutan | 1 | 70 | - | - | 1 | 6 | **2** | **76** |
| 12 | Kursus *In-Situ* | 1 | 16 | 6 | 40 | - | - | **7** | **56** |
| 13 | Gotong-Royong | 9 | 74 | - | - | 17 | 258 | **26** | **332** |
| 14 | Demo | 19 | 133 | 21 | 87 | 9 | 89 | **49** | **309** |
| 15 | Perjumpaan Petani | 514 | 6,888 | 300 | 1,509 | 364 | 3,322 | **1,178** | **11,719** |
| 16 | Perjumpaan Ketua-Ketua Kelompok | 33 | 595 | 15 | 39 | 4 | 14 | **52** | **648** |
| 17 | Pemeriksaan Kebun | 19 | 82 | 202 | 591 | 169 | 346 | **390** | **1,019** |
| 18 | Gerak Gempur | 4 | 185 | 14 | 149 | 46 | 1,236 | **64** | **1,570** |
| 19 | Mesyuarat/Perbincangan Unit | 11 | 63 | 74 | 426 | 10 | 86 | **95** | **575** |
| **Jumlah** | | 664 | 9,704 | 761 | 5,696 | 760 | 14,815 | **2,185** | **30,215** |

## PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN COKLAT BUATAN TANGAN (CBT)

Objektif program UPUC adalah untuk membangunkan usahawan baharu melalui aktiviti pemindahan teknologi yang dianjurkan iaitu Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat. Kursus tersebut mendedahkan orang awam mengenai tatacara dan teknik membuat coklat buatan tangan yang betul. Pelaksanaan kursus adalah berdasarkan kepada perancangan kursus sedia ada dan juga berdasarkan permohonan institusi pengajian, persatuan, pertubuhan kerajaan dan lain-lain.

Pada tahun 2019, UPUC telah melaksanakan lapan Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat, yang disertai oleh 159 orang usahawan dan orang awam. Manakala, sebanyak 15 sesi Demonstrasi Pembuatan Coklat Buatan Tangan telah diadakan semasa program pameran dan promosi yang dihadiri oleh 4,480 orang. UPUC juga melaksanakan dua siri Klinik Usahawan Coklat 2019 yang dihadiri oleh 42 usahawan.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah coklat dan jumlah hasil jualan yang diperoleh oleh usahawan CBT yang berdaftar dengan LKM pada tahun 2019.

**Usahawan Coklat Buatan Tangan – Purata Pengeluaran dan Pendapatan pada 2019**

| Tahap Usahawan (Pengeluaran/bulan) | Bil. Usahawan | Jumlah Pengeluaran Coklat (Kg/tahun) | Purata Pengeluaran Coklat (Kg/tahun) | Jumlah Hasil Jualan (RM/tahun) | Purata Hasil Jualan (RM/tahun) |
|---|---|---|---|---|---|
| Tahap 4 ( 801 Kg keatas ) | 12 | 66,523.00 | 5,543.58 | 2,886,739.64 | 240,561.64 |
| Tahap 3 ( 301-800 Kg ) | 12 | 34,219.00 | 2,851.58 | 2,388,400.00 | 199,033.33 |
| Tahap 2 ( 101-300 Kg) | 11 | 14,054.00 | 1,171.17 | 1,144,570.70 | 95,380.89 |
| Tahap 1 (100 Kg kebawah) | 189 | 55,347.50 | 4,612.29 | 4,322,916.07 | 360,243.01 |
| **JUMLAH** | **224** | **170,143.50** | **14,178.63** | **10,742,626.41** | **895,218.87** |

Pada tahun 2019, melalui peruntukkan projek Pembangunan Usahawan Coklat, RP 4, RMKe-11, sebanyak lapan usahawan coklat Tahap 3 & 4 menerima insentif mesin pencair coklat berkapasiti 18 kilogram. Seramai 18 usahawan coklat Tahap 1 dan Tahap 2 telah menerima insentif *Chiller* Dua Pintu.

Selain daripada itu, melalui Program Pembangunan Usahawan CBT Tahun 2019, seramai 23 usahawan coklat baharu telah diberi insentif acuan coklat, *scrapper, cooler bag, aluminium foil, woven bag* dan apron. Manakala, seramai lima usahawan coklat baharu telah menerima mesin pencair coklat berkapasiti 6kg.

Seramai tujuh usahawan coklat baharu telah dilahirkan pada tahun 2019. Manakala lima usahawan coklat telah naik tahap berikutan peningkatan kapasiti pengeluaran.



*15 Ogos 2019, Selangor*



*5 Nov 2019, PITK Nilai*

# PEMBANGUNAN PASARAN DAN EKONOMI

**Pembangunan Pasaran - Promosi Luar Negara**




***The 24th Gulfood 2019, Dubai, UAE, 17-21 Februari 2019***

*The 24th Gulfood, Hotel & Equipments Exhibition & Salon Culinaire 2019* (GULFOOD 2019) dianjurkan oleh Dubai World Trade Centre.

Gulfood merupakan eksposisi perdagangan bagi pengusaha minuman, makanan, perkhidmatan makanan dan industri hospitaliti untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan serta mengambil peluang mewujudkan jalinan kerjasama dalam rangkaian perhubungan perdagangan terutamanya di wilayah Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia Selatan.




Eksposisi tahun ini berjaya menarik penyertaan lebih daripada 5,000 syarikat dari 120 buah negara. Seramai lebih daripada 98,000 orang pengunjung berdaftar daripada 193 buah negara telah mengunjungi eksposisi pameran yang telah berlansung selama lima hari.

Penyertaan Malaysia di Gulfood 2019 ini adalah anjuran Perbadanan Perdagangan Luar Negara Malaysia (MATRADE). Gulfood 2019 merupakan penyertaan kali ke-13 LKM. Ruang pameran LKM turut disertai oleh dua buah syarikat pengisar koko iaitu K.L. Kris Food Industries Sdn Bhd dan Guan Chong Cocoa Manufacturer Sdn Bhd. Penyertaan dalam Gulfood 2019 telah menerima 160 pertanyaan perdagangan yang menghasilkan nilai jualan semasa dianggarkan bernilai RM5.49 juta dan nilai jualan berpotensi dianggarkan bernilai RM21.70 juta.




***Africa's Big 7 (AB7), Johannesburg, South Africa, 23-25 Jun 2019***

*AB7* telah dianjurkan oleh DMG Events Africa sejak tahun 2008. Ianya adalah pameran perdagangan antarabangsa yang terkemukadi wilayah Afrika bagi produk makanan dan minuman serta perkhidmatan runcit. Penganjuran AB7 adakan serentak dengan pameran *The Hotel Show Africa* dan *SAITEX Africa* di tapak pameran yang sama.



*AB7 2019* telah berjaya menarik 234 penyertaan pameran daripada 44 buah negara. Manakala bilangan pengunjung berdaftar adalah seramai 5,983 orang yang terdiri daripada pembekal, pengilang, pengusaha, peruncit dan pengedar.

Penyertaan LKM dalam *AB7 2019* merupakan penyertaan yang pertama kali bersama *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM). Penyertaan di eksposisi ini adalah untuk meningkatkan dan meluaskan syer pasaran produk-produk koko keluaran Malaysia di wilayah Afrika Selatan.



Ruang pameran LKM turut disertai oleh empat buah syarikat industri koko Malaysia iaitu JB Cocoa Sdn Bhd, KL-Kris Food Industries Sdn Bhd, Francastle Confectioneries (M) Sdn Bhd dan GCB Specialty Chocolates Sdn Bhd. Penyertaan AB7 2019 telah berjaya memperolehi 65 pertanyaan perdagangan daripada lapan buah negara, yang menghasilkan nilai jualan berpotensi sebanyak RM3.51 juta. Negara-negara yang telah membuat pesanan jualanbagi produk-produk koko Malaysia adalah dari Afrika Selatan, Algeria, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Brazil dan Madagascar.

***YUMMEX Middle East 2019 (Yummex 2019) , Dubai, UAE, 29-31 Oktober 2019***



Yummex 2019 adalah anjuran Bersama Koelnmesse GmbH, Jerman dan Dubai World Trade Centre.

Yummes 2019 merupakan eksposisi perdagangan bagi pengusaha industri berasaskan gula, coklat, konfeksi, bakeri, makanan snek dan airkrim di wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara.



Eksposisi tahun ini adalah penganjuran kali ke-13. Ianya telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 252 syarikat dari 40 buah negara. Seramai lebih daripada 9,000 orang pengunjung berdaftar daripada 70 buah negara telah mengunjungi eksposisi pameran ini.

Penyertaan LKM dalam Yummex 2019 ini merupakan penyertaan kali ke-8 sejak mula menyertainya pada tahun 2008 yang sebelum ini dikenali sebagai *Sweets and Snacks Middle East* (SSME).




Ruang pameran LKM di Yummex 2019 trut disertai oleh enam buah syarikat pengisar koko dan pengeluar coklat serta konfeksi koko iaitu K.L. Kris Food Industries Sdn Bhd, JB Cocoa Sdn Bhd, Le Bourne Sdn Bhd,Torto Food Industries (M) Sdn Bhd, Tatawa Industries (M) Sdn Bhd dan Rico Food Industries Sdn Bhd.

Penyertaan dalam Yummex 2019 telah menerima 346 pertanyaan perdagangan dari 30 buah negara yang menghasilkan nilai jualan semasa dianggarkan bernilai RM3.68 juta dan nilai jualan berpotensi dianggarkan bernilai RM8.83 juta. Antara negara-negara yang telah membuat pesanan jualan adalah dari Algeria, Arab Saudi, Iraq, Jordan, Mesir, Oman, Rusia dan UAE.

*Expo Africa's Big 7* di Gallagher Convention Centre, Johannesburg, South Africa pada 23 Jun 2019






***Mesyuarat ASEAN Cocoa Club (ACC) Ke-22, Putrajaya, Malaysia, 16-17 Julai 2019***





LKM selaku penyelaras aktiviti *ASEAN Cocoa Club* (ACC) telah menganjurkan Mesyuarat ACC Ke-22 yang telah dihadiri oleh 29 delegasi dari agensi kerajaan dan sektor swasta dari enam buah negara ASEAN iaitu Filipina, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Thailand dan Viet Nam.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan laporan kemajuan pelaksanaan program dan aktiviti yang digariskan dalam *Strategic Plan of Action* (SPA) on ASEAN *Cooperation in Cocoa Sector* bagi tempoh 2016-2020 berdasarkan kepada 4 Teras Strategik berikut:

*Strategic Thrust 1: Joint Product Promotion in International Markets;*
*Strategic Thrust 2: Joint ASEAN Promotion at International Fora;*
*Strategic Thrust 3: Enhancement of Intra-ASEAN Trade;* dan
*Strategic Thrust 4: Enhancement of Competitiveness of the Products.*

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat ACC ke-21 adalah mengenai perkembangan dan status terkini dalam *Tariffs and Non–Tariffs Barriers on Cocoa Beans and Cocoa Products, Technical Working Group on Good Agriculture Practices (TWGGAP)* dan *Technical Working Group on Food Safety (TWGFS)* serta kemajuan dalam kerjasama dan perkongsian penyelidikan mengenai bahan tanaman dan pengurusan perosak & penyakit.

TWGGAP melaporkan status terkini pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP) di negara Filipina, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Thailand dan Vuet Nam, serta status lima projek berikut; *i. Bio-Based Technologies for Managing Cacao Pests, ii. Cacao Pest Management Program, iii. Development of Compound Fertlizer for Cocoa, iv. Adoption of '4Ps' Concept in Cocoa Field Management to Increase Production and Productivity, and v. Adoption of Good Agriculture Practices in Managing Insect Pests and Beneficial Insects of Cacao*.

TWGFS mengemukakan draf cadangan 'The ASEAN Standard on Food Safety for Cocoa and Cocoa Products' bagi edaran kepada negara anggota ASEAN untuk dikomen. TWGFS juga melaporkan status lima projek berikut; *i. Indonesia has complied with the Codex Standard for Cocoa and Cocoa Products and Implemented Regulation for Food Safety, ii. Analysis Protocol on Safety and Quality for Cocoa Based Products, iii. European Union 9EU) imposed regulation on Cadmium Contamination effective on 1$^{st}$ January 2019, iv. Japan had notified the World Trade Organization (WTO) on the draft amendments to the Maximum Residue Level (MRLs) for the Agricultural Chemical, and v. Monitoring of Cadmium in Cocoa and Cocoa Products.* Status kolaborasi kepakaran, pengetahuan dan sumber (makmal, peralatan dan kemudahan) juga dilaporkan.

Mesyuarat juga membincangkan hasil mesyuarat PRESOM-40$^{th}$ AMAF, PREPSOM-18$^{th}$ AMAF PLUS THREE, 40$^{th}$ AMAF, 18$^{th}$ AMAF PLUS THREE dan maklumat terkini dari *25$^{th}$ Meeting of the Joint Committee on ASEAN Cooperation and Joint Approaches in Agriculture and Forest Products Promotion Scheme* (10-12 Julai 2018 di Lombok, Indonesia).

***Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)***

FTA adalah perjanjian di antara dua atau lebih negara di mana negara-negara yang terlibat akan diberi keutamaan untuk memasuki pasaran sesebuah negara. Keutamaan atau keistimewaan diberikan dalam urusan perdagangan, pelaburan, perkhidmatan dan kerjasama dalam bidang ekonomi dan teknikal. FTA merupakan salah satu mekanisma utama dalam meningkatkan hubungan dagang antara negara.

Tujuan utama Malaysia mengadakan FTA adalah untuk:
- Memasuki pasaran yang sukar ditembusi melalui penurunan tarif dan halangan bukan tarif;
- Mempermudahkan dan mempromosikan perdagangan, pelaburan dan pembangunan ekonomi Malaysia;
- Meningkatkan daya saing eksport produk Malaysia; dan
- Mengadakan usahasama dalam bidang tertentu melalui kerjasama teknikal.

Dua belas (12) perjanjian FTA melibatkan Malaysia yang telah ditandatangani dan dikuatkuasakan adalah seperti berikut:
1) *ASEAN - China Free Trade Agreement* (ACFTA);
2) *ASEAN – Korea Free Trade Agreement* (AKFTA);
3) *ASEAN – Japan Comprehensive Economic Partnership Agreement* (AJCEP);
4) *ASEAN – India Free Trade Agreement* (AIFTA);
5) *ASEAN – Australia, New Zealand Closer Economic Relations Agreement (AANZCER);*
6) *Malaysia – Japan Economic Partnership Agreement* (MJEPA);
7) *Malaysia – Pakistan Closer Economic Partnership Agreement* (MPCEPA);
8) *Malaysia – New Zealand Free Trade Agreement* (MNZFTA);
9) *Malaysia – India Comprehensive Economic Cooperation Agreement* (MICECA);
10) *Malaysia – Chile Free Trade Agreement* (MCFTA);
11) *Malaysia – Australia Free Trade Agreement* (MAFTA); dan
12) *Malaysia – Turkey Free Trade Agreement* (MTFTA).

FTA yang telah dimuktamadkan dan ditandangani tetapi belum dikuatkuasakan adalah *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership Agreement* (CPTPP).

Empat (4) rundingan FTA yang masih di peringkat rundingan dan belum dimuktamadkan adalah seperti berikut:
1) *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP);*
2) *Malaysia – European Union Free Trade Agreement (MEUFTA);*
3) *Malaysia – European Free Trade (EFTA) Economic Partnership Agreement (MEEPA); dan*
4) *Malaysia – Korea Free Trade Agreement (MKFTA).*

## Pembangunan Pasaran – Promosi Domestik

***Halal Fiesta (HALFEST) Malaysia 2019, 4-8 September 2019, Mines Exhibition Centre (MIECC), Seri Kembangan, Selangor***

HALFEST adalah satu platform untuk usahawan kecil dan sederhana industri halal yang ingin meluaskan dan mengukuhkan pemasaran produk mereka. Sebanyak 500 syarikat dari industry halal telah menyertai pameran ini, yang telah menarik 89,597 pengunjung berdaftar dari Malaysia dan rantau ASEAN.

LKM telah menyertai HALFEST buat julung kalinya bagi skop Menaiktaraf Usahawan Sedia Ada di bawah Projek Pembangunan Usahawan Coklat. Pavilion LKM disertai oleh enam usahawan coklat bimbingan LKM iaitu; Ryverra Chocolate & Confectionery Sdn Bhd, AOM Food Industries, Azaib Holdings Sdn Bhd, Chocsvalley Sdn Bhd, Chocenwrapper Chocolate House dan D & J Chocolate.

Selain aktiviti pameran, promosi dan jualan produk keluaran usahawan coklat, LKM turut megadakan demonstrasi coklat buatan tandan, slot chat industry mengenai pemprosesan koko & coklat serta aktiviti pentas (demonstrasi dan pertandingan) Bersama peserta usahawan coklat.

Sebanyak 54 pertanyaan perdagangan tempatan diterima dan nilai jualan semasa yang diperolehi adalah sebanyak RM30,332.70 . Manakala jumlah pesanan jualan adalah berjumlah RM79,000.00

***Program Citarasa Malaysia (PCM)***

PCM dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). LKM merupakan salah satu agensi yang terlibat sebagai agensi kerjasama strategik. Objektif utama PCM adalah untuk membantu mempromosikan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta menilai potensi produk-produk untuk dipasarkan di rangkaian peruncitan di Malaysia.

LKM telah menyertai lapan (8) siri jelajah PCM iaitu di Kompleks KPDNHEP Putrajaya (25-26 Mac 2019), TESCO Mutiara Damansara (18-21 Julai 2019), Suria Shopping Mall Kota Kinabalu (29 Ogos-1 September 2019), Nu Central Shopping Centre Kuala Lumpur (5-8 September 2019), East Coast Mall Kuantan (3-6 Oktober 2019), Paradigm Mall Petaling Jaya (3-6 Oktober 2019), AEON Bukit Indah Johor Bahru (10-13 Oktober 2019) dan Malaysia Tourism Centre Kuala Lumpur (28-29 November 2019). Seramai 13 usahawan coklat telah menyertai jelajah PCM 2019.

**Majlis Pelancaran Program Citarasa Malaysia pada 25 Mac 2019**






***Selangor International Expo (SIE) 2019, 10-13 Oktober 2019, Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur***

SIE 2019 merupakan salah satu program di bawah 'Selangor International Business Summit' (SIBS) 2019 yng bertujuan untuk mempromosikan negeri Selangor sebagai hab perdagangan global. SIE 2019 adalah ekspo perdagangan yang memberi fokus kepada industri makanan dan minuman. Ekspo ini telah menerima kunjungan 34,000 orang pelawat termasuk ahli-ahli perniagaan dari luar negara.

Seramai empat (4) usahawan coklat telah dipilih untuk menyertai pameran ini di bawah pavilion LKM.

***Tastefully Food, Beverages Expo 2019***

*Tastefully Food & Beverages Expo* adalah sala satu ekspo promosi produk makanan dan minuman yang terbesar di Malaysia. Pada tahun 2019, ekspo ini telah diadakan di 11 lokasi dan berjaya menarik kehadiran lebuh sejuta orang pengunjung.

Pada tahun 2019, LKM telah menyertai ekspo ini di dua lokasi iaitu di Mid Valley Southkey Johor Bahru (22-24 November 2019) dan di Setia City Convention Centre (SCCC) Setia Alam Selangor (6-8 Disember 2019).

Ekspo di Johor Bahru disertai oleh lima (5) usahawan coklat. Pavilion LKM dikunjungi oleh 1,315 orang dan menerima 29 pertanyaan perdagangan tempatan. Jumlah hasil jualan semasa yang diperolehi adalah sebanyak RM11,921.

Ekspo di Setia Alam disertai oleh lapan (8) usahawan coklat. LKM turut mengadakan kaunter khidmat nasihat, demonstrasi coklat buatan tangan dan aktiviti pentas. Pavilion LKM dikunjungi oleh 2,235 orang dan menerima 58 pertanyaan perdagangan tempatan. Jumlah nilai hasil jualan semasa yang diperolehi adalah sebanyak RM11,824.

**Program Ekonomi**

***Banci Tahunan Estet Koko (Tahun rujukan 2018)***

Pelaksanaan Banci Tahunan Estet Koko 2019 (Tahun Rujukan 2018) telah dimulakan pada awal Januari 2018 dengan pengedaran borang soal selidik kepada dua buah estet milikan swasta iaitu Estet Ong Chong Lim dan Estet Selbourne, kedua-duanya terletak di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kepada data bancian yang diperolehi, didapati keluasan tanaman koko di sektor estet adalah sebanyak 232 hektar, sama seperti pada tahun 2017. Pengeluaran koko di sektor estet mencatatkan penurunan sebanyak 68% kepada 19.39 tan berbanding 60.04 tan pada tahun sebelumnya. Produktiviti estet juga mencatat penurunan sebanyak 70% kepada 159.93 kg/ha berbanding tahun sebelumnya.

# PENGAWALSELIAAN DAN KAWALAN KUALITI

Program Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti dijalankan untuk memastikan biji koko kering dan produk koko Malaysia adalah berkualiti dan berdaya saing.

## PROGRAM PENGAWALSELIAAN

Pelesenan

Kedudukan keseluruhan lesen terkumpul menurun sebanyak 3% dari 184 kepada 179 pada tahun 2019. Bilangan lesen baru yang diluluskan pada tahun 2019 adalah sebanyak 19 lesen berbanding 15 lesen pada tahun sebelumnya. Sebanyak 131 pembaharuan lesen dilakukan pada tahun 2019 berbanding 158 pada tahun sebelumnya. Pembatalan lesen telah berkurangan dari 35 lesen kepada 20 lesen pada tahun 2019.

Aktiviti pendaftaran lesen dilaksanakan melalui Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan (BLESS). Secara keseluruhan, aktiviti pendaftaran meningkat sebanyak 137% dari 138 pada tahun 2018 kepada 327 pada tahun 2019. Sebanyak 162 aktiviti pendaftaran telah dijalankan di Sabah, 131 aktiviti pendaftaran di Sarawak dan diikuti Semenanjung sebanyak 34 pendaftaran.

Pematuhan Syarat Lesen adalah 100% sama seperti tahun 2018.

Program Pemetaan Guna Tanah

Aktiviti pemetaan kebun koko menurun sebanyak 60% dari 1,298 pada tahun 2018 kepada 582 pada tahun 2019. Aktiviti pemetaan tahun 2019 hanya dilaksanakan di Sarawak. Aktiviti pemetaan berkurang kerana kebanyakkan kakitangan terlibat dalam Program Verifikasi Tanaman Koko 2019 di kawasan pekebun kecil koko.

Pemindahan biji koko

Pemindahan biji koko adalah pemindahan dari pelabuhan-pelabuhan di Tawau dan Kuching ke Semenanjung. Kadar pemindahan biji koko kering pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak 50% berbanding tahun sebelumnya, iaitu peningkatan dari 451.56 tan metrik kepada 675.83 tan metrik. Pemindahan biji koko dari pelabuhan Tawau adalah sebanyak 528 tan metrik (meningkat sebanyak 41.19% berbanding tahun 2018), manakala pemindahan dari pelabuhan Kuching adalah sebanyak 147.83 tan metrik (menurun sebanyak 1.48% berbanding tahun 2018).

## PROGRAM KAWALAN KUALITI

Pemantauan Kualiti Biji

Sebanyak 123 aktiviti pemantauan biji koko kering tempatan dan import telah dijalankan pada tahun 2019 berbanding 112 aktiviti pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 9.8%. Peratusan kualiti biji koko kering adalah pada tahap 100% mematuhi piawaian kualiti Standard Malaysia Cocoa (SMC) yang ditetapkan berbanding 98.57% pada tahun 2018. Bagi aktiviti tempatan, sebanyak 72 sampel di kawasan-kawasan utama pengeluaran di Malaysia telah diambil berbanding 70 sampel pada tahun 2018. Manakala bagi aktiviti import, sebanyak 51 sampel biji koko kering telah diambil pada tahun 2019 berbanding 42 sampel pada tahun sebelum.

Pensijilan Kualiti

Sebanyak 867 sijil kualiti (dengan transaksi sebanyak 1,608 tan metrik) dikeluarkan pada tahun 2019, berbanding 972 sijil (dengan transaksi sebanyak 1,305.89 tan metrik) pada tahun 2018, iaitu penurunan sebanyak 12%. Peratusan pematuhan piawaian kualiti adalah sebanyak 95%.

Bilangan sijil yang dikeluarkan pada tahun 2019 mengikut wilayah adalah 16 sijil di Sabah, 722 sijil di Sarawak dan 129 sijil di semenanjung.

Bilangan sijil yang dikeluarkan pada tahun 2019 mengikut perkhidmatan adalah 813 sijil urusniaga tempatan dalam kalangan petani koko, 26 sijil pemindahan dan 28 sijil pengeksportan.

Dari segi aktiviti, permintaan pensijilan (berdasarkan jumlah tan metrik) bagi aktiviti tempatan menyumbang sebanyak 17%, aktiviti pemindahan sebanyak 42% dan aktiviti eksport sebanyak 41% dari jumlah keseluruhan sijil kualiti yang dikeluarkan pada tahun 2019.

Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik (KSPD)

KSPD adalah satu aktiviti LKM untuk membantu petani menjual biji koko kering dengan harga berpatutan dan di Kawasan yang mempunyai kurang agen pembeli biji koko kering.

Jumlah kuantiti biji koko kering yang diberi khidmat sokongan pemasaran pada tahun 2019 adalah sebanyak 418.84 tan metrik, meningkat sebanyak 130.92 tan metrik (45%) berbanding 287.91 tan metrik pada tahun 2018. Wilayah Sabah dan Sarawak menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, masing-masing sebanyak 89% (125.68 tan metrik) dan 12% (9.70 tan metrik), manakala Wilayah Semenanjung berlaku pengurangan sebanyak 7% (4.46 tan metrik).

Aktiviti KSPD yang dilaksanakan melalui usahawan koko juga menunjukkan peningkatan kuantiti berbanding tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 53%, dari 194.99 tan metrik pada tahun 2018 kepada 298.42 tan metrik pada tahun 2019. Aktiviti pembelian di wilayah Sabah adalah berjumlah 267.38 tan metrik, manakala di Semenanjung adalah sebanyak 31.04 tan metrik.

## PRESTASI KEWANGAN

Peruntukan yang diluluskan kepada Lembaga Koko Malaysia pada tahun 2019 adalah berjumlah RM65,218,700 iaitu pertambahan sebanyak RM6,340,300 atau 10.77% berbanding dengan peruntukan tahun 2018 sebanyak RM58,878,400. Dari segi pecahan mengikut jenis belanjawan, sejumlah RM32,000,000 atau 49.07% untuk belanja Mengurus dan RM33,218,700 atau 50.93% untuk belanja Pembangunan. Jumlah perbelanjaan LKM bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM62,568,232 yang dibiayai oleh peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan sumber dalaman LKM. Pecahan mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti berikut; RM27,010,864 adalah Perbelanjaan Pentadbiran, RM34,008,883 adalah Perbelanjaan Operasi Lain dan RM1,548,485 adalah Kos Kewangan.

Jumlah Hasil LKM bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM4,440,190 iaitu pengurangan sebanyak RM155,507 atau 3.38% berbanding dengan jumlah hasil tahun 2018 iaitu sebanyak RM4,595,697.

| BIL | PERANGKAAN KEWANGAN | TAHUN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| I | Aset Bukan Semasa | 168,283,344 | 161,411,574 | 159,956,356 | 155,796,488 | 151,545,549 |
| II | Aset Semasa | 57,301,857 | 51,896,850 | 58,374,226 | 59,884,199 | 72,227,540 |
| III | Liabiliti Semasa | 9,843,424 | 4,292,809 | 6,929,138 | 6,968,714 | 7,085,970 |
| IV | Aset Bersih | 215,741,777 | 209,015,615 | 211,401,444 | 208,711,973 | 216,687,119 |
| V | Modal Digunakan | 215,741,777 | 209,015,615 | 211,401,444 | 208,711,973 | 216,687,119 |
| VI | Rizab Tunai | 51,613,124 | 47,857,354 | 54,287,815 | 55,387,928 | 67,767,133 |
| | - Simpanan Tetap | 41,239,806 | 35,740,752 | 42,979,069 | 32,367,767 | 45,403,657 |
| | - Wang di Bank | 10,358,370 | 12,089,602 | 11,281,746 | 22,993,161 | 22,335,476 |
| | - Wang Dalam Tangan | 14,948 | 27,000 | 27,000 | 27,000 | 28,000 |
| VII | Penglibatan Modal | | | | | |
| | - Kontrak diluluskan dan terikat | 10,508,474 | 15,050,593 | 8,950,042 | 6,853,050 | 6,444,958 |
| VIII | Nisbah Kewangan | | | | | |
| | Aset Semasa/ Tanggungan Semasa | 5.82 | 12.09 | 8.42 | 8.59 | 10.19 |
| | Aset Mudah Cair/ Tanggungan Semasa | 5.24 | 11.15 | 7.83 | 7.95 | 9.56 |
| | Jumlah Hutang/ Jumlah Aset | 0.04 | 0.02 | 0.03 | 0.03 | 0.03 |
| | Modal Digunakan/ Jumlah Tanggungan | 21.92 | 48.69 | 30.51 | 29.95 | 30.58 |
| | Modal Digunakan/ Aset Tetap | 1.28 | 1.29 | 1.32 | 1.34 | 1.43 |

# PENTADBIRAN

**Perjawatan**

***Bilangan Kakitangan pada 31 Disember 2019***

Jumlah kakitangan berjawatan tetap LKM pada 31 Disember 2019 adalah seramai 439 orang. Bilangan jawatan tetap yang diluluskan adalah sebanyak 481 jawatan. Bilangan jawatan yang diisi sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 439 jawatan. Manakala bilangan kekosongan (jawatan tidak diisi) adalah sebanyak 42 jawatan.

| Taraf Jawatan | Kumpulan Perkhidmatan | | Jumlah Kakitangan |
|---|---|---|---|
| | Pengurusan Tertinggi & Pengurusan Profesional | Sokongan | |
| Tetap | 77 orang | 362 orang | 439 orang |

Bilangan pekerja bukan tetap, sehingga 31 Disember 2019 adalah seramai 74 orang. Pecahan bilangan adalah seperti berikut: 44 orang pekerja kontrak, 16 orang Pekerja Khidmat Kontrak (PKK) dan 14 orang Pekerja Khidmat Harian (PKH).

***Temuduga dan Pengisian Jawatan***

Pada tahun 2019, sebanyak lapan jawatan untuk 14 kekosongan telah diiklankan melalui sistem Job Online LKM. LKM telah menerima sebanyak 50,545 permohonan.

***Perletakan Jawatan dan Persaraan***

Pada tahun 2019, seramai sembilan kakitangan telah meletak jawatan; dua kakitangan tetap, empat kakitangan kontrak dan tiga kakitangan TPHLKM (Tabung Hasil Pusingan LKM). Seramai 14 orang kakitangan telah bersara iaitu lima bersara pilihan, tujuh bersara wajib dan dua pencen terbitan (meninggal dalam perkhidmatan).

***Kenaikan Pangkat***

Pada tahun 2019, seramai lapan orang dinaikpangkat secara kenaikan Pangkat *Time Based* berasaskan kecemerlangan kali pertama (TBK). Seramai 12 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat secara secara hakiki iaitu seorang gred Jusa dan 11 orang dari kumpulan Pengurusan & Profesional.

## Pembangunan Modal Insan

### *Kursus /Latihan Jangka Pendek*

Pada tahun 2019, sebanyak 138 kursus/latihan jangka pendek telah dihadiri oleh 893 kakitangan LKM.

| Kursus dan Latihan Jangka Pendek | Bilangan Kursus | Penyertaan (orang) |
|---|---|---|
| Dalam Negara | 111 | 296 |
| Luar Negara | 6 | 7 |
| Kursus Dalaman | 21 | 590 |
| **Jumlah** | **138** | **893** |

### *Kursus/Peperiksaan Perkhidmatan*

| Nama Kursus | Penyertaan (orang) |
|---|---|
| Program Transformasi Minda (PTM) | - |
| Kursus Orientasi Pegawai Lantikan Baharu LKM | - |
| Peperiksaan Perkhidmatan Awam (Pengesahan Jawatan) | 24 |
| Kursus Orientasi Pegawai Persekutuan | - |
| Ujian Kemahiran ICT | - |
| **Jumlah** | **24** |

### *Latihan Dalam Perkhidmatan/Kemudahan Latihan*

| Peringkat Pengajian | Bil. Mengikuti Pengajian (orang) | Bil. Tamat Pengajian (orang) |
|---|---|---|
| Doktor Falsafah (PhD.) | 8 | 3 |
| Ijazah Sarjana (Master) | 10 | 1 |
| **Jumlah** | **18** | **4** |

**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Jasamu Dikenang dan Anugerah Khidmat Bakti**

Majlis Apresiasi Kecemerlangan LKM 2019 telah diadakan di pusat-pusat LKM mengikut wilayah. Seramai 73 orang telah menerima sijil-sijil seperti berikut:

| Kumpulan Perkhidmatan | Penerima (orang) |
|---|---|
| Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 | 35 |
| Anugerah Khidmat Bakti (AKB) 2019 | 24 |
| Jasamu Dikenang (Bakal Pesara) 2019/2020 | 14 |
| **Jumlah** | **73** |

**Latihan Industri**

Pada tahun 2019, LKM telah menerima sebanyak 170 permohonan latihan industri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 101 orang pelajar telah diterima untuk menjalani latihan industri di LKM.

**Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**

Tiada penyertaan oleh LKM pada tahun 2019.

**Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)**

Sebanyak 11 kursus (di bawah IMPAC) telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Usahawan Coklat (UPUC). Kursus-kursus berkenaan telah dihadiri oleh para usahawan dan sebanyak 214 sijil kehadiran IMPAC telah dikeluarkan.

## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Perkhidmatan Teknologi Maklumat (UPTM) adalah unit yang terlibat dengan pembangunan dan penyelenggaraan ICT (sistem aplikasi dan infrastruktur ICT) di samping menyelenggara koleksi bahan-bahan rujukan dalam e-PMK (Pusat Maklumat Koko Elektronik).

ICT = Teknologi Maklumat dan Komunikasi

<u>Menaiktaraf Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)</u>
Pusat data LKM yang terletak di Ibu Pejabat LKM dan DRC di Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko KKIP telah dinaiktaraf pada 2019 agar mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan atas talian kepada pelanggan-pelanggan LKM melalui pengukuhan keupayaan infrastruktur ICT dan sistem sokongan LKM. Penaikantaraf adalah melalui perolehan perkakasan pusat data termasuk *Core Switch*, *3KVA Uninterrupptible Power Supply*, *firewall*, menaiktaraf perisian pengurusan *virtual server VMWare*, SSL Certificate, kabinet kalis api untuk storan pita-pita backup, alat ganti perkakasan server dan perisian pemantauan log server.

<u>Pensijilan ISO ISMS 27001:2013</u>
Skop pensijilan adalah pengurusan laman web dan data statistik koko secara cekap dan terkawal bagi menjamin keselamatan maklumat dan ketersediaan perkhidmatan yang berterusan. Sijil MS ISO/IEC 27001:2013 untuk tahun 2018 telah diterima pada 1 Februari 2019. Selepas mendapat sijil ini, audit pemantauan ISMS telah dilaksanakan untuk dua tahun berikutnya. Untuk audit pemantauan 2019, kerja-kerja penyediaan dan semakan semula dokumen dan kerja-kerja pengauditan yang berkaitan yang diperlukan dalam pensijilan ini telah dilaksanakan. Audit dalaman (pensijilan) telah dilaksanakan oleh Unit Kualiti, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 21-23 Oktober 2019 manakala Cybersecurity Sdn Bhd telah membuat audit pengawasan untuk mengekalkan pensijilan ISMS pada 19-20 November 2019. Laporan dan tindakan penyelesaian *Non Conformity* (NC) pada Audit Dalam dan Audit Luar telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) pada 4 Disember 2019. Ceraian minit MPK telah dihantar kepada Audit Luar untuk tujuan pengesahan dan penutupan NC pada 8 Januari 2020.

<u>Penganjuran Seminar IT Negeri Sabah 2019</u>
Seminar IT Negeri Sabah 2019 telah diadakanpada 3 Oktober 2019, di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Seminar pada tahun ini dianjurkan oleh UMS sebagai tuan rumah, dan dibantu oleh empat agensi iaitu Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKN), INTAN Sabah, MAMPU Sabah dan LKM. Tema seminar adalah '*Digital Security : How Safe Is Safe*'. Seminar ini dihadiri oleh 350 orang penjawat awam negeri dan persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sabah.

<u>Pembangunan Sistem Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan (SPAHT)</u>
SPAHT merupakan satu inisiatif LKM untuk menyimpan data-data tumbuhan yang dikategorikan sebagai aset LKM. Sistem ini telah dibangunkan atas kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif LKM ke-93 dan pematuhan Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan (TPT)–AM 5.1 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Objektif pembangunan sistem ini adalah untuk capaian maklumat pengurusan aset hidup yang lebih tepat, berkesan, cepat dan efektif. Tanaman utama yang didaftarkan adalah koko, kelapa, durian, sawit dan dokong yang dikategorikan sebagai tanaman kekal. Manakala anak-anak benih koko dan lainnya tergolong dalam kategori bahan tanaman. Buat masa ini, SPAHT digunakan di tiga pusat LKM iaitu di Tawau, Sabah ; Jengka, Pahang; dan Bagan Datuk, Perak. Pada tahun 2019, sebanyak lima modul sistem telah disiapkan yang merangkumi Modul Pengurusan, Modul Daftar Tanaman Kekal, Modul Pembangunan Tanaman Kekal, Modul Penyelenggaraan Tanaman Kekal dan Modul Laporan. Nilai aset hidup tumbuhan hidup bagi setiap pusat untuk tahun berakhir 2018 juga telah dimuktamadkan melalui SPAHT.

Pembangunan Sistem Job Online LKM

Sistem ini mula dibangunkan pada 1 November 2019 dan digunakan buat pertama kali untuk iklan kekosongan jawatan pada 15 November 2019. Sebanyak 50,545 permohonan telah diterima bagi lapan jawatan yang diiklankan.

Pelaksanaan sistem ini memberikan beberapa faedah kepada LKM iaitu;

i. Proses saringan dibuat dengan lebih cepat dari beberapa bulan kepada dua minggu;
ii. Menjimatkan penggunaan ruang kerana tiada fail fizikal diterima;
iii. Mengelakkan perbelanjaan luar jangka LKM seperti pengambilan kakitangan sambilan untuk membantu proses pengurusan borang-borang permohonan; dan
iv. Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) dapat menyediakan statistik permohonan dengan lebih cepat apabila diperlukan.

Sokongan Aplikasi dan Infrastruktur ICT Sedia Ada

Aktiviti sokongan ke atas aplikasi-aplikasi dan peralatan ICT sedia ada LKM perlu dilaksanakan bagi memastikan aktiviti dan operasi LKM berjalan lancar. Pada tahun 2019, UPTM telah melaksanakan 475 sokongan ke atas 43 aplikasi sedia ada, 20 penyelenggaraan untuk keselamatan pusat data, DRC dan rangkaian serta lawatan penyelenggaraan ICT Pengguna di lapan pejabat LKM. Selain itu, UPTM juga telah melaksanakan perolehan penggantian untuk lima komputer peribadi, enam computer riba, tiga mesin pengimbas dan tiga mesin pencetak untuk menggantikan peralatan yang telah rosak dan usang.

Khidmat Sokongan Renovasi Tingkat 5 & 6, Ibu Pejabat LKM

Kerja-kerja renovasi Ibu Pejabat LKM dilaksanakan sepanjang tahun 2019 yang turut melibatkan kerja-kerja ICT termasuk pendawaian semula rangkaian computer di Tingkat 5 dan 6, pemasangan peralatan audio visual untuk Bilik Seminar di Tingkat 5 dan menaiktaraf audio visual dan alat persidangan video di Bilik Mesyuarat Tingkat 6. Selain itu, khidmat sokongan ICT juga diberikan di dalam perolehan peralatan CCTV baru dan pemasangan telefon protocol internet (*IP phone*). UPTM terlibat secara langsung dalam penyediaan spesifikasi perolehan, penilaian teknikal dan aktiviti pemasangan oleh pembekal yang dilantik.

Pembangunan bahan digital E-CocoaKM

Pembangunan bahan digital ini telah bermula sejak tahun 2002 dan pada tahun 2019, proses pengemaskinian dilaksanakan. Berdasarkan jumlah bahan digital yang ada di dalam laman sesawang *e-PMK* dan portal *E-CocoaKM*, sejumlah 11,547 bahan telah didigitalkan dan sedang dalam proses kemaskini oleh *Gatekeeper* Bahagian dan pengesahan oleh Pengarah-Pengarah Bahagian bagi memastikan setiap bahan adalah sahih hak milik LKM dan bahan digital boleh dikongsi untuk paparan kakitangan LKM dan awam. Ini termasuk kandungan bahan, maklumat metadata dan taxonomi berdasarkan perkara tajuk (*subject heading*). Tempoh pengesahan status bahan akses awam adalah sehingga 31 Mac 2020.

## JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA KOKO MALAYSIA (JAL) TAHUN 2019

Jawatankuasa ini ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengelola LKM yang keahliannya dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengelola bukan eksekutif sepertimana yang termaktub di dalam Surat Pekeliling Am Sulit Bil.2 Tahun 1993.

**Senarai ahli-ahli JAL**

| Jawatan | Ahli Jawatankuasa | Kementerian/Jabatan |
|---|---|---|
| Pengerusi | Pn. Kanagadevi A/P Pachaiappan | Kementerian Industri Utama (MPI) |
| Ahli | Encik Muhammad Hazrul bin Ismail | Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) |
| | YBrs. Dr. Mariana Tinggal | Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) |
| | YBhg. Datuk @ Pahon anak Joyik | Kementerian Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Sarawak (MANRED) |
| | YB Tuan Mordi anak Bimol | Ahli Parlimen P.192 Mas Gading, Sarawak |
| Setiausaha | Encik Mohamad Faizal bin Mas'od | Lembaga Koko Malaysia (LKM) |

Antara fungsi-fungsi utama JAL adalah seperti berikut:

i. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan secara dalaman serta menasihati Lembaga Pengelola berhubung penyata kewangan, prospektus, laporan-laporan, maklumat prestasi pengauditan dan lain-lain tanggungjawab seperti yang diputuskan oleh Lembaga Pengelola;

ii. Mengesan pematuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengelola;

iii. Memastikan bahawa LKM sentiasa mengubah suai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa;

iv. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengelola dari semasa ke semasa;

v. Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai sebarang penyelewengan untuk tindakan yang sesuai; dan

vi. Membentangkan laporan setiap suku tahun di dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola.

Pada tahun 2019, empat mesyuarat telah diadakan iaitu pada 11 Januari 2019, 31 Januari 2019, 16 Disember 2019 dan 17 Disember 2019.

**Lawatan Kerja ke Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, KKIP Sabah pada 31 Januari 2019**







# LAPORAN BERGAMBAR 2019

Mesyuarat dengan Juruaudit MS ISO/IEC 27001:2013 di Ibu Pejabat LKM pada 9 Januari 2019



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL) ke-46 di Bahagian Bioteknologi LKM  KKIP pada 31 Januari 2019






Program Ideasi Penubuhan Koperasi Kluster Koko LKM di Hotel Perkasa Kundasang Ranau, Sabah pada 11 Februari 2019











Mesyuarat Perhubungan Ketua-Ketua Jabatan-Badan Berkanun Persekutuan Di Sabah Bil. 1 Tahun 2019 dan LKM menerima Penganugerahaan 4 Bintang Laporan Jabatan Audit Negara peringkat Kebangsaan di Putrajaya Sabah pada 12 Februari 2019







Jemputan Khas Ketua Pengarah LKM ke *10th Anniversary Celebration Cocoa Kingdom* Tanjung Aru, Sabah pada 14 Februari 2019

















Lawatan ICCO ke Beryls Choc Factory pada 19 Februari 2019









Lawatan ICCO ke CITC Nilai pada 19 Februari 2019











Majlis Penerangan Koperasi untuk Highland Kluster Koko di Hotel Perkasa Kundasang Ranau, Sabah pada 26 Februari 2019






Kunjungan Hormat LKM (PTOTE) ke JAKOA Negeri Pahang, Wisma Persekutuan, Kuantan, Pahang pada 27 Februari 2019






Lawatan LKM ke Kebun Koko Chemur Perak pada 28 Februari 2019









Lawatan LKM ke Orang Asli Ulu Kinta, Perak pada 28 Februari 2019






Lawatan Jawatankuasa Varieti Tumbuhan ke PPPK Tawau, Sabah pada 4 Mac 2019






Mesyuarat LKM & JAKOA Perak pada 4 Mac 2019







Mesyuarat LKM dengan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) pada 5 Mac 2019





Mesyuarat Lembaga Varieti Tumbuhan pada 5 Mac 2019, di Tawau, Sabah






Mesyuarat Seksyen R&D LKM di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko Tawau, Sabah pada 13 Mac 2019





Kursus Panel Pelapis Sensori Fasa 2 di Pusat Penyelidikan & Pembangunan Koko Kota Samarahan, Sarawak, pada 21 Mac 2019











Pelawat daripada LeBourne ke Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko LKM Kota Samarahan, Sarawak pada 20 Mac 2019









Majlis Ramah Mesra KSU MPI Bersama Warga LKM dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan 2018 di LKM KKIP pada 1 April 2019














Mesyuarat Lembaga Pengelola LKM di Ibu Pejabat LKM Kota Kinabalu Sabah pada 18 April 2019





Penyertaan LKM dalam Sambutan Aidilfitri Penjawat Awam di Putrajaya Sabah pada 18 Jun 2019







Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Aidilfitri Ibu Pejabat LKM pada 21 Jun 2019








Pameran Produk Komoditi, di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor pada 24 Jun 2019












Majlis Perasmian *ASEAN Cocoa Meeting* (ACC) di Putrajaya, pada 17 Julai 2019













Majlis Penutup Bengkel Pengukuhan Ejen Pengembangan di Empress Hotel Sepang pada 18 Julai 2019


















Program Pengkomersialan Hasil Penyelidikan LKM di Rashid Theatrette, UPM-MTDC Technology Centre UPM Serdang Selangor pada18 Julai 2019




















Lawatan KSU Kementerian Industri Utama (MPI) ke Pusat Inovasi & Teknologi Koko, LKM Nilai, Negeri Sembilan pada 21 Ogos 2019













Sayangi Komoditiku 'Bual Bicara Latihan & Kerjaya' di SMK Abdul Rahim II, Kudat, Sabah
pada 4 September 2019


















Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Sabah (HPPNS) Kudat Sabah pada 19-23 September 2019











Lawatan Kerja Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka ke Lembaga Koko Malaysia pada 18 Oktober 2019









Sesi Penyampaian *Plaque Financial Management Performance Award* bagi LKM pada 24 Oktober 2019





Hari Sukan Negara, Ibu Pejabat LKM pada 25 Oktober 2019





Lawatan JAKOA ke Ibu Pejabat LKM Kota Kinabalu Sabah pada 29 Oktober 2019





Mesyuarat Khas Bersama Agensi Luar-Projek Pembangunan Kompleks Kluster Koko Ranau di Ibu Pejabat LKM pada 16 Disember 2019





Ikrar Bebas Rasuah Bahagian Bioteknologi LKM KKIP pada 14 Februari 2019





Ikrar Bebas Rasuah & Raikan Peningkatan Hasil PPK Jengka pada 21 Februari 2019





Ikrar Bebas Rasuah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Huluan koko Bagan Datuk, Perak pada 25 Februari 2019





Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-19 KKSR LKM di Ibu Pejabat LKM Kota Kinabalu Sabah pada 26 April 2019





Hari Keluarga KKSR dan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat LKM (CSR) di Kg Sundot Melangkap, Kota Belud, Sabah pada 30 Mac 2019










**LEMBAGA KOKO MALAYSIA**
*(MALAYSIAN COCOA BOARD)*
Tingkat 5, 6 & 7, Wisma SEDCO
Lorong Plaza Wawasan, Off Coastal Highway
Beg Berkunci 211, 88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-206400 Fax: 088-239575 / 253037
http://www.koko.gov.my
mcb_enquiry@koko.gov.my




SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA KOKO MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 22, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Koko Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 (Akta 343).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Koko Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Koko Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 (Akta 343). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Koko Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Lembaga Koko Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Koko Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Koko Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia memberi gambaran yang saksama.

**Hal-hal Lain**

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya juga ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

a. Pada tahun 2004, LKM telah membeli tanah seluas 15 ekar di Taman Perindustrian Kota Kinabalu dengan nilai RM5.18 juta daripada pihak KKIP Sdn Bhd. Perjanjian jual beli di antara LKM dan KKIP Sdn Bhd telah ditandatangani pada 13 April 2004. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2019, LKM masih belum menerima geran tanah individu atas nama LKM.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 (Akta 343) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(FATIMAH BINTI RAMUJI)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KOTA KINABALU, SABAH
22 OKTOBER 2020

LEMBAGA KOKO MALAYSIA

# PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR
# 31 DISEMBER 2019
# LEMBAGA KOKO MALAYSIA

LEMBAGA KOKO MALAYSIA
TINGKAT 5 & 6, WISMA SEDCO, BEG BERKUNCI 211
88999 KOTA KINABALU, SABAH
TEL: 088-206400, FAX : 088-239575 / 235037, LAMAN WEB : http://www.koko.gov.my

# LEMBAGA KOKO MALAYSIA

# PENYATA KEWANGAN 2019


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA KOKO MALAYSIA | |
| PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA | |
| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 | 1 |
| PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 | 2 |
| PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 | 3 |
| PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 | 4 |
| NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 | 5-22 |

# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA KOKO MALAYSIA

---

